

9

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Dasar kewangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 diteruskan dengan berlandaskan kejayaan yang dicapai dalam tahun 1994. Teras utama dasar kewangan dalam tempoh masa ini adalah bagi menyokong dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan kecairan yang berlebihan tidak menjadi satu sumber ketidakstabilan. Walaupun kadar inflasi sebanyak 3.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, ianya adalah masih berada pada tahap yang rendah berdasarkan standard antarabangsa. Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap tekanan inflasi masih wujud. Menggambarkan keadaan ini, Bank Negara Malaysia melalui pengurusan kewangannya mengekalkan pendekatan kewangan yang menjamin pencapaian pertumbuhan yang berkekalan dengan kestabilan harga.

Keperluan kewangan terhad ini adalah berdasarkan kepada peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor swasta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berikutan peningkatan kukuh permintaan agregat. Pinjaman sistem perbankan yang meningkat sebanyak 15% antara Januari hingga Julai 1995 (13.2% dalam separuh kedua tahun 1994) mengakibatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 27.5% pada akhir bulan Julai (14.7% pada akhir tahun 1994). Walaupun hampir separuh daripada peningkatan kredit yang dikeluarkan oleh sistem perbankan disalurkan kepada sektor-sektor produktif, kredit penggunaan juga menjadi terserlah dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. Pengembangan kredit yang kukuh ini menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan kewangan, walaupun kesan keseluruhannya adalah diimbangi oleh penguncupan dalam operasi Kerajaan dan sektor luaran. Pada asas tahunan, agregat kewangan,

M1, M2 dan M3, meningkat secara perlahan kepada 8.6%, 6.6% serta 7.8% masing-masing pada akhir bulan Mac, iaitu sebelum meningkat kepada 14.8%, 18.5% dan 15.5% pada akhir bulan Julai 1995 (11.2%, 14.7% dan 13.1% pada akhir tahun 1994).

Bagi mengimbangi lebihan kecairan dalam ekonomi, Bank Negara Malaysia bertindak secara aktif di dalam pengurusan operasi kecairannya, iaitu terutamanya melalui pinjaman pasaran wang secara langsung dan terbitan bil-bil Bank Negara Malaysia (BBN). Operasi kecairan ini pula disokong oleh kadar faedah yang tinggi secara amnya. Kadar faedah telah meningkat di antara Oktober 1994 hingga April 1995, berikutan daripada permintaan kredit yang kukuh dan peningkatan kadar faedah asing. Di antara bulan April hingga Julai 1995, kadar faedah ini menjadi stabil. Dalam bulan Ogos pula, kadar faedah ini mula menunjukkan arah aliran yang meningkat akibat daripada pengetatan kewangan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Dari segi kadar pertukaran pula, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan dolar Amerika Syarikat iaitu daripada RM/AS\$2.5578 pada akhir tahun 1994 kepada RM/AS\$2.4584 pada akhir bulan Julai 1995, terutamanya mencerminkan tekanan pasaran.

Sebagai sebahagian daripada langkah Bank Negara Malaysia bagi menggalakkan pelaburan swasta pada kos pembiayaan yang berpatutan, garis panduan pemberian pinjaman tahunan dikeluarkan kepada bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan. Garis Panduan Pemberian Pinjaman kepada masyarakat Bumiputera dan komitmen pinjaman perumahan yang dikeluarkan pada tahun lepas masih berkuatkuasa sehingga 31 Mac 1996. Walau bagaimanapun, bagi memastikan perusahaan kecil memperoleh kredit dengan mudah pada kos yang berpatutan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan bagi setahun yang

memerlukan bank perdagangan dan syarikat kewangan memberi pinjaman sebanyak RM500,000 atau kurang di bawah Skim Jaminan Utama Baru (SJUB), Syarikat Jaminan Kredit (CGC), dengan jumlah perlindungan jaminan yang patut diberi sekurang-kurangnya RM350 juta bagi bank perdagangan dan RM60 juta bagi syarikat kewangan. Sebagai tambahan, setengah daripada kuota peruntukan ini haruslah disalurkan kepada peminjam Bumiputera. Kadar maksimum sebanyak dua mata peratusan melebihi kadar pinjaman asas (KPPA) yang diisytiharkan oleh institusi peminjam akan terus digunakan ke atas pinjaman ini.

Bagi tempoh selanjutnya dalam tahun 1995, dasar kewangan akan terus ditumpukan kepada pengurusan kecairan bagi memastikan lebihan kecairan ini tidak menjadi satu sumber ketidakstabilan. Pemberian pinjaman yang berlebihan untuk pembelian aset dan penggunaan tidak digalakkan, manakala langkah-langkah diambil bagi meningkatkan tabungan tempatan. Bank Negara Malaysia melalui dasar kewangannya akan terus mengamalkan pendekatan pragmatik dengan mengambil kira objektif-objektif ekonomi negara serta perkembangan tempatan dan luar negara.

Penawaran Wang

Penawaran wang terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Dalam tempoh masa ini, pemberian pinjaman kepada sektor swasta yang kukuh semenjak separuh kedua tahun 1994 merupakan penggerak utama pertumbuhan penawaran wang ini. Namun demikian, pertumbuhan ketiga-tiga agregat kewangan ini kekal pada tahap terkawal, memandangkan pendekatan Bank Negara Malaysia di dalam mengawal pertumbuhan kewangan bagi membendung tekanan inflasi.


Wang secara kecil, **M1**, yang didefinisikan meliputi mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta, meningkat sebanyak 3.7% daripada akhir tahun 1994 kepada RM48.2 bilion pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 0.5% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dari segi komponen, permintaan mata wang sektor swasta bukan bank adalah terkawal dengan mata wang dalam edaran meningkat sedikit sebanyak 1.1% kepada RM16.1 bilion pada akhir bulan Julai 1995 (7.7% dalam

tempoh yang sama tahun 1994). Sementara itu pula, pertumbuhan deposit semasa mencatatkan peningkatan sebanyak 5.1% kepada RM32.1 bilion (kemerosotan sebanyak 3% dalam tempoh yang sama tahun 1994). Ia menggambarkan peningkatan permintaan baki perniagaan bagi tujuan pembayaran urusan niaga selaras dengan tahap aktiviti ekonomi yang pesat dalam tempoh masa yang sama.

Penawaran wang secara luas, **M2**, yang merangkumi **M1**, dan separa wang yang meliputi deposit tetap dan tabungan sektor swasta dengan bank perdagangan dan Bank Negara Malaysia, sijil deposit boleh niaga bersih (SDB) yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan perjanjian pembelian semula (PPS), mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM176.6 bilion pada akhir bulan Julai 1995 (6.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994). Pertumbuhan **M2** ini adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan separa wang yang meningkat sebanyak 12.8% atau RM14.5 bilion kepada RM128.4 bilion (9.3% dalam tempoh yang sama tahun 1994). Peningkatan dalam separa wang adalah didorong oleh peningkatan deposit tetap sebanyak RM13 bilion dan SDB sebanyak RM2.8 bilion. Peningkatan ini adalah lebih daripada mengimbangi kemerosotan dalam PPS dan deposit tabungan sebanyak RM1.1 bilion dan RM211 juta masing-masing. Pertumbuhan kukuh separa wang ini mencerminkan prestasi ekonomi yang mantap dan kadar faedah yang tinggi dalam tempoh masa kajian ini.

Begitu juga dengan agregat kewangan yang lebih luas, **M3**, yang merangkumi deposit sektor swasta yang disimpan dengan syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam, meningkat sebanyak 8.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM242.2 bilion pada akhir bulan Julai 1995 (6.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994). Berdasarkan perubahan tahunan, kadar pertumbuhan ketiga-tiga agregat kewangan, **M1**, **M2** dan **M3**, meningkat secara perlahan kepada 8.6%, 6.6% serta 7.8% masing-masing pada akhir bulan Mac 1995 daripada 11.2%, 14.7% dan 13.1% pada akhir bulan Disember 1994. Ketiga-tiga agregat kewangan ini kemudiannya meningkat kepada 14.8%, 18.5% dan 15.5% pada akhir bulan Julai 1995.

Carta 9.1
Arah Aliran Kewangan



Pertumbuhan agregat kewangan yang lebih luas, M3, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 menggambarkan peningkatan pemberian pinjaman sistem perbankan kepada sektor swasta yang meningkat dengan ketara sebanyak RM33.8 bilion (RM6.7 bilion dalam tempoh masa yang sama tahun 1994). Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta adalah terutamanya bagi membiayai sektor perkilangan (RM7.5 bilion), sektor hartanah yang merangkumi pinjaman perumahan kepada individu dan pembinaan (RM7.2 bilion) serta sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (RM3.5 bilion). Walau bagaimanapun, peningkatan kredit penggunaan adalah terserlah dengan nilai RM4.3 bilion (RM3.2 bilion dalam tahun 1994). Memandangkan keadaan pasaran saham yang tidak bermaya bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, pinjaman kepada individu bagi pembelian saham dan unit amanah saham mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak RM457 juta, berbanding dengan peningkatan

sebanyak RM4.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dari segi institusi, bank perdagangan mengeluarkan sebahagian besar (77.5%) dari jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sementara syarikat kewangan pula menyumbangkan sebanyak 19.4%.

Sektor luaran memberikan kesan penguncupan sebanyak RM1.4 bilion ke atas penawaran wang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan kesan pengembangan sebanyak RM9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dalam tempoh masa ini, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berkurangan sebanyak RM363 juta kepada RM67.8 bilion pada akhir bulan Julai 1995. Pada masa yang sama, tanggungan luar bersih sistem perbankan meningkat sebanyak RM1 bilion kepada RM7.2 bilion.

Operasi kewangan **Kerajaan** memberikan kesan penguncupan ke atas penawaran wang dengan pemberian pinjaman bersih kepada Kerajaan merosot sebanyak RM3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (-RM5.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1994). Ia mencerminkan peningkatan deposit Kerajaan yang disimpan dengan sistem perbankan serta pengurangan pegangan surat-surat jaminan Kerajaan oleh sistem perbankan dan pengurangan pegangan Alat-alat Pelaburan Kerajaan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi tempoh selanjutnya dalam tahun 1995, pertumbuhan penawaran wang dijangka konsisten dengan aktiviti-aktiviti sektor sebenar. Memandangkan tekanan inflasi masih wujud, Bank Negara Malaysia akan terus melaksanakan dasar kewangan yang memastikan pertumbuhan kewangan adalah konsisten dengan pertumbuhan sektor sebenar dan tidak menimbulkan tekanan ke atas harga tempatan.

Kecairan Bank dan Pasaran Wang

Dalam tempoh masa tujuh bulan pertama tahun 1995, kecairan dalam sistem perbankan masih berlebihan. Memandangkan ekonomi terus mengalami pertumbuhan pesat selama lapan tahun berturut-turut, pengurusan lebihan kecairan adalah penting bagi membendung lebihan permintaan agregat dan seterusnya dapat mengawal tekanan inflasi. Kawalan terhadap tekanan yang berpunca

dari lebih permintaan adalah bertambah penting memandangkan pemberian pinjaman kepada sektor swasta yang semakin meningkat dan menjadi pendorong utama pertumbuhan kewangan.

Bagi menguruskan kecairan dengan berkesan, operasi kecairan Bank Negara Malaysia melalui kombinasi di antara alat-alat tradisional dan berasaskan pasaran, termasuk campurtangan secara langsung dalam pasaran wang serta pemusatan lebih dana Kerajaan dan terbitan BBN. Tambahan sebanyak 48 siri terbitan BBN telah menyerap sejumlah RM0.5 bilion daripada sistem perbankan di antara Januari hingga Julai 1995. Pada masa yang sama, peningkatan kadar faedah tempatan semenjak Oktober 1994 juga telah berjaya mengurangkan pertumbuhan kredit yang berlebihan, terutamanya untuk penggunaan dan aktiviti-aktiviti yang tidak produktif serta menggalakkan tabungan.

Kecairan yang berlebihan dalam sistem perbankan ini dapat dilihat menerusi pengembangan agregat kewangan dan pemegangan lebih aset cair oleh institusi perbankan. Pertumbuhan dalam agregat kewangan lebih luas, M3, adalah terutamanya disebabkan oleh pinjaman kepada sektor swasta. Mencerminkan keadaan ini, pemilikan lebih aset cair institusi-institusi perbankan (iaitu pemilikan yang melebihi keperluan wajib sebanyak 17% bagi bank perdagangan dan 10% hingga 12.5% bagi syarikat kewangan dan bank saudagar) berjumlah RM1.73 bilion pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan RM1.78 bilion pada akhir tahun 1994.

Jumlah pinjaman dan pendahuluan sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM29.4 bilion atau 15% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (RM5.9 bilion atau 3.5% dalam tempoh yang sama tahun 1994). Sebahagian besar daripada pinjaman ini adalah disalurkan kepada sektor perkilangan, sektor hartanah yang meliputi pinjaman perumahan kepada individu dan pembinaan, penggunaan serta kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. Jumlah deposit (termasuk PPS) yang digerakkan oleh sistem perbankan juga mencatatkan pertumbuhan pesat sebanyak RM23.7 bilion atau 10.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (RM9.5 bilion atau 4.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994), berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang

kukuh. Sebahagian besar daripada deposit adalah digerakkan oleh bank perdagangan (71.2% daripada jumlah deposit) dan syarikat kewangan (24.5%). Dari segi bentuk, deposit tetap mewakili bahagian yang terbesar (82.1%) daripada jumlah peningkatan deposit. Memandangkan pertumbuhan pinjaman melebihi pertumbuhan deposit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sistem perbankan mencatatkan kurangan pinjaman-deposit sebanyak RM5.7 bilion (lebih sebanyak RM3.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1994). Oleh itu, nisbah pinjaman-deposit meningkat kepada 88% pada akhir bulan Julai 1995 daripada 84.4% pada akhir tahun 1994.

Aktiviti pasaran wang kekal tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 dengan jumlah urusan bulanan bernilai RM72.8 bilion pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan RM89 bilion pada akhir tahun 1994. Sebahagian besar daripada urusan ini tertumpu kepada wang semalaman yang merupakan 60.3% daripada jumlah urusan dalam tempoh masa tersebut.

Perkembangan kadar faedah tempatan dalam tahun 1995 terus mencerminkan keadaan kecairan yang wujud. Dengan penguncupan kecil kecairan akibat aliran keluar modal bersih jangka pendek serta pengetatan kewangan yang berterusan dan kadar faedah antarabangsa yang lebih tinggi pada awal tahun 1995, kadar faedah tempatan meningkat sepanjang empat bulan pertama tahun 1995, iaitu sebelum ia mengalami kemerosotan kecil akibat kedudukan kecairan yang lebih longgar dan kadar faedah antarabangsa yang mula mengalami kejatuhan. Berikutan daripada ini, kadar purata harian berwajaran antara bank meningkat daripada 5.45% setahun pada akhir tahun 1994 kepada 6.04% setahun pada akhir bulan April 1995, sebelum merosot sedikit kepada 5.85% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Mencerminkan pergerakan kadar antara bank, mod kadar faedah deposit tetap bagi keseluruhan tempoh matang bank perdagangan meningkat kepada lingkungan 5.70% hingga 6.60% setahun pada akhir bulan Mei 1995, manakala syarikat kewangan pula meningkat kepada lingkungan 5.80% hingga 6.80% setahun. Pada akhir bulan Jun 1995, kadar faedah deposit tetap bank perdagangan bagi tempoh matang yang lebih lama jatuh sedikit kepada lingkungan 6.00% hingga 6.30% setahun. Bagi tempoh matang jangka pendek pula, ia kekal pada lingkungan 5.70% hingga 5.80% setahun. Bagi syarikat kewangan, kadar faedah bagi keseluruhan

tempoh matang jatuh kepada lingkungan 5.75% hingga 6.50% setahun pada akhir bulan Jun 1995, dengan kemerosotan berterusan bagi tempoh matang yang lebih lama kepada lingkungan 6.10% hingga 6.40% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Semenjak pertengahan bulan Ogos 1995, kadar antara bank yang meningkat mencerminkan langkah kewangan yang ketat dijalankan oleh Bank Negara Malaysia akibat peningkatan ketara yang berterusan dalam pengembangan kredit dan peningkatan petunjuk-petunjuk utama yang lain.

Dengan kewujudan perbezaan masa di antara pergerakan kadar faedah deposit dan **kadar pemberian pinjaman asas (KPPA)**, purata KPPA bank perdagangan dan syarikat kewangan menunjukkan arah aliran yang semakin meningkat, iaitu daripada 6.83% dan 8.40% setahun pada akhir tahun 1994 kepada 7.55% dan 8.94% setahun pada akhir bulan Julai 1995.

Bank-bank Perdagangan

Operasi bank perdagangan terus berkembang dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. **Jumlah sumber** yang digerakkan oleh bank perdagangan, termasuk modal dan rizab, deposit, peminjaman daripada lain-lain institusi kewangan, penerimaan jurubank (BAs) dan lain-lain tanggungan (faedah tertanggung, peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu serta peminjaman daripada Bank Negara Malaysia dan bil diskaun BNM), meningkat sebanyak 11.6% kepada RM266,989 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 2.6% pada akhir bulan Julai 1994. Bank perdagangan menggerakkan sebanyak 69.2% dari jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan serta mengeluarkan sebanyak 69.8% dari jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan.

Jumlah deposit yang meliputi deposit semasa, tetap dan tabungan, SDB, Tabung Pelaburan Baru (TPB), deposit khas dan PPS yang digerakkan oleh bank perdagangan meningkat sebanyak 10.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM177,134 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.4% dalam tempoh yang sama tahun 1994, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.1. Pertumbuhan dalam jumlah deposit ini mencerminkan pertumbuhan yang mantap dalam deposit sektor swasta dan deposit Kerajaan Persekutuan

Jadual 9.1

Bank-bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1995
	1994 Januari-Julai		1995 Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit semasa	-436	-1.5	2,382	7.5	34,159
Deposit tabungan	1,716	9.4	-210	-1.0	21,470
Deposit tetap	4,429	6.2	14,215	18.3	91,971
SDB ¹	229	1.8	1,473	7.6	20,862
PPS	146	1.8	-1,061	-11.5	8,141
Lain-lain ²	37	12.1	63	13.5	531
JUMLAH	6,121	4.4	16,862	10.5	177,134

¹ Sijil Deposit Boleh Niaga.

² Termasuk Tabung Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

berikutan kedudukan belanjawan seimbang. Dari segi penerimaan deposit baru dalam tempoh tujuh bulan pertama ini, sebahagian besar deposit baru disumbangkan oleh perusahaan perniagaan (yang mewakili 26.1% atau RM4,409 juta dari deposit baru), diikuti oleh institusi kewangan (17% atau RM2,862 juta), Kerajaan Persekutuan (13.1% atau RM2,201 juta) dan badan berkanun (11.7% atau RM1,973 juta).

Berikutan permintaan kredit yang tinggi daripada sektor swasta, **jumlah pinjaman** bank perdagangan meningkat dengan ketara sebanyak 17% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM156,921 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan kenaikan sebanyak 2.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.2. Dari segi pinjaman baru, sebahagian besar daripadanya telah disalurkan kepada sektor perkilangan (mewakili 30% atau RM6,842 juta dari pinjaman baru), diikuti oleh sektor hartanah yang meliputi pinjaman perumahan kepada individu dan

pembinaan (26.4% atau RM6,007 juta) serta kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (12.2% atau RM2,776 juta) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan 48.4%, -25.1% dan -103.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Jumlah pinjaman yang disalurkan kepada sektor perkilangan, perdagangan am dan penggunaan meningkat sebanyak 21.2%, 14.6% dan 22% daripada akhir tahun 1994 kepada RM39,075 juta, RM17,253 juta dan RM5,937 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 5.7%, 1.2% dan 14.4% masing-masing dalam tempoh yang sama tahun 1994. Walau bagaimanapun, pinjaman yang disalurkan kepada individu bagi pembelian saham merosot dengan ketara sebanyak 0.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM7,771 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan kenaikan sebanyak 100.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Bank perdagangan mengalami kurangan pinjaman-deposit sebanyak RM5,909 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan lebih sebanyak RM2,926 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman (17%) mengatasi pertumbuhan deposit (10.5%) dalam tempoh tersebut. Oleh itu, **nisbah pinjaman-deposit** bank perdagangan meningkat daripada 83.7% pada akhir tahun 1994 kepada 88.6% pada akhir bulan Julai 1995.

Bank perdagangan terus menyediakan kemudahan kredit kepada **sektor yang diberi keutamaan** seperti kepada masyarakat Bumiputera, kepada individu untuk pembelian rumah berharga RM100,000 dan ke bawah setiap unit dan kepada perusahaan kecil di bawah SJUB, CGC. Di bawah Garis Panduan SJUB, bank perdagangan adalah dikehendaki memperolehi sekurang-kurangnya RM350 juta jaminan perlindungan daripada CGC ke atas setiap pinjaman yang kurang daripada RM500,000, di mana sekurang-kurangnya RM175 juta haruslah disalurkan kepada masyarakat Bumiputera.

Pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera meningkat kepada 11.5% atau RM4,388 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan kenaikan sebanyak 5.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pada akhir bulan Julai 1995, jumlah pinjaman yang disalurkan kepada masyarakat Bumiputera bernilai

Jadual 9.2

Bank-bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman¹

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1995
	1994		1995		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	-417	-10.1	36	1.0	3,521
Perlombongan dan kuari	-40	-6.3	350	67.2	870
Perkilangan	1,547	5.7	6,842	21.2	39,075
Kewangan, insurans dan perkhid- matan per- niagaan	-3,313	-19.5	2,776	16.4	19,737
Pembinaan	427	4.6	1,806	17.4	12,183
Perdagangan am	160	1.2	2,197	14.6	17,253
Pengangkutan dan penyimpanan	428	21.4	237	9.7	2,670
Hartanah	-1,403	-12.3	2,745	25.4	13,547
Perumahan	174	1.2	1,456	10.4	15,498
Pelbagai	5,632	31.8	4,326	15.3	32,569
JUMLAH	3,195	2.7	22,771	17.0	156,921


¹ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

RM44,713 juta atau 42% daripada asas pinjaman, berbanding dengan sasaran keperluan sebanyak 20% sepertimana yang ditetapkan dalam garis panduan. Sebahagian besar pinjaman ini adalah disalurkan kepada sektor hartanah, termasuk pinjaman perumahan kepada individu dan pembinaan (RM14 juta), sektor kewangan dan perniagaan (RM9 juta) serta pinjaman bagi pembelian saham (RM6 juta). Pada akhir bulan Julai 1995, bank perdagangan telah membiayai pembelian sebanyak 56,734 unit rumah berharga

Carta 9.2
Bank- Bank Perdagangan

Pinjaman dan Deposit^{1/}
(perubahan suku tahunan)




1/ Termasuk perjanjian pembelian semula (PPS)

2/ Deposit bersih merujuk kepada lebih deposit bank-bank perdagangan berbanding dengan pinjaman dalam tiap-tiap suku tahunan manakala pinjaman bersih merujuk kepada lebih pinjaman berbanding dengan deposit

3/ Pada akhir bulan Julai 1995.

Pinjaman Kepada Sektor-Sektor Utama
(perubahan suku tahunan)



RM100,000 dan ke bawah setiap unit ataupun 75.6% daripada sasaran yang ditetapkan (sekurang-kurangnya 75,000 unit rumah). Sementara itu, jumlah kredit yang diberikan oleh bank perdagangan kepada perusahaan kecil di bawah SJUB, CGC, merosot sebanyak 46.2% daripada akhir tahun 1994 kepada RM305 juta pada akhir bulan Julai 1995 (RM308 juta pada akhir bulan Julai 1994), manakala jumlah pinjaman yang diluluskan di bawah Tabung Pinjaman Peniaga dan Penjaja Kecil (TPPK) 1992 meningkat sebanyak 87.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM70 juta. Daripada jumlah ini, RM36 juta telah dikeluarkan kepada peminjam Bumiputera.

Mencerminkan kedudukan kecairan yang lebih ketat, mod kadar faedah deposit tetap bank perdagangan mencatatkan kenaikan sebanyak 0.1 hingga 0.5 mata peratusan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Oleh itu, mod kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan, 3-bulan, 6-bulan dan 12-bulan meningkat daripada 5.20%, 5.30%, 5.75% dan 6.20% setahun pada akhir tahun 1994 kepada 5.70%, 5.80%, 6.00% dan 6.30% masing-masing pada akhir bulan Julai 1995. Walau bagaimanapun, mod kadar faedah deposit tabungan kekal pada 3.25% setahun. Kadar purata harian berwajaran antara bank bagi kebanyakan tempoh matang meningkat kepada lingkungan 5.47% hingga 6.01% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada lingkungan 5% hingga 5.86% setahun pada akhir tahun 1994. Walau bagaimanapun, kadar untuk 12-bulan merosot kepada 6.08% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 6.43% setahun pada akhir tahun 1994. Selaras dengan ini, kos dana purata meningkat sebanyak 0.73 mata peratusan daripada 3.78% setahun pada akhir tahun 1994 kepada 4.51% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Sementara itu, kadar pinjaman purata juga meningkat kepada 8.76% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 8.24% setahun pada akhir tahun 1994.

Mencerminkan peningkatan yang lebih cepat dalam kos dana purata berbanding dengan peningkatan kadar pinjaman purata, margin kadar faedah kasar berkurangan sebanyak 0.21 mata peratusan kepada 4.25% setahun pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 4.46% pada akhir tahun 1994. Sejalan dengan arah aliran kos dana purata yang kian meningkat, mod KPPA bank perdagangan juga turut meningkat kepada 7.70%

setahun pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan lingkungan 6.50% hingga 7.05% setahun pada akhir tahun 1994.

Perbankan Islam telah sekali lagi mengalami pertumbuhan yang pesat dengan pertambahan bilangan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Selain dari Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), terdapat pertambahan sebanyak 7 buah bank perdagangan, 6 buah syarikat kewangan dan sebuah bank saudagar menawarkan perkhidmatan SPTF pada akhir bulan Julai 1995, jika dibandingkan dengan kedudukan pada akhir bulan Julai 1994, di mana terdapat 14 buah bank perdagangan, 9 buah syarikat kewangan dan 2 buah bank saudagar yang menawarkan perkhidmatan ini. Jumlah aset sistem perbankan Islam (SPTF dan BIMB) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 14.5% kepada RM6,834.2 juta pada akhir bulan Julai 1995 daripada RM5,969.7 juta pada akhir bulan Julai 1994. Jumlah deposit yang digerakkan oleh sistem perbankan Islam meningkat sebanyak 21.5% daripada RM4,655.8 juta pada akhir tahun 1994 kepada RM5,656.3 juta pada akhir bulan Julai 1995, manakala jumlah pembiayaan meningkat dengan ketara sebanyak 88% daripada RM1,737.9 juta pada akhir tahun 1994 kepada RM3,267.9 juta pada akhir bulan Julai 1995. Sebahagian besar daripada deposit ini adalah dalam bentuk deposit pelaburan am (40.9%) dan deposit pelaburan khusus (30.6%), yang bernilai sebanyak RM2,485.3 juta dan RM1,860 juta pada akhir bulan Julai 1995. Jumlah deposit tabungan meningkat dengan ketara sebanyak 21.7% daripada akhir tahun 1994 kepada RM711.5 juta pada akhir bulan Julai 1995, sementara deposit semasa merosot sebanyak 0.3% daripada akhir tahun 1994 kepada RM912.8 juta pada akhir bulan Julai 1995. Dari segi pecahan mengikut sektor, sebanyak 25.5% dari pembiayaan baru dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 adalah disalurkan untuk pembelian saham bernilai RM762 juta pada akhir bulan Julai 1995, 15.2% (RM477.7 juta) kepada sektor perkilangan dan 5.2% (RM336.4 juta) kepada sektor perumahan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, urusniaga pasaran wang antara bank secara Islam bernilai RM5.2 bilion. Perniagaan aktif Penerimaan Jurubank Hijau yang bernilai RM4.7 bilion merupakan penggerak utama pasaran ini. Bagi mempertingkatkan lagi sistem perbankan Islam di Malaysia serta mewujudkan saluran penyebaran maklumat dan

latihan dalam Perbankan Islam, Persatuan Institusi Perbankan Tanpa Faedah Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya pada 26 Jun 1995.

Bank perdagangan dan bank saudagar yang dilantik terus menyumbang kepada tabung khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan. **Tabung Khas Pelancongan** telah ditubuhkan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM120 juta pada Mac 1990 dengan tujuan untuk membiayai pembangunan projek-projek pelancongan. Memandangkan sambutan kepada tabung ini adalah sangat menggalakkan, ia telah ditambah kepada RM200 juta dan ditukarkan kepada tabung pusingan, mulai daripada 16 November 1993. Dalam tempoh masa kajian, sebanyak 28 permohonan bernilai RM25.4 juta telah diluluskan (Januari-Julai 1994: 25 permohonan dengan nilai sebanyak RM34.7 juta). Bilangan permohonan yang diluluskan sehingga akhir bulan Julai 1995 berjumlah 174 dengan nilai sebanyak RM194.1 juta di mana RM130.8 juta telahpun dibayar. Sebahagian besar daripada permohonan yang diluluskan ini (88.3%) adalah disalurkan untuk pembinaan hotel dan rumah penginapan.

Tabung Usahawan Baru (TUB) yang dilancarkan dalam bulan Disember 1989 dengan tujuan menggalakkan lebih ramai lagi usahawan kecil dan sederhana Bumiputera berkecimpung dalam pelbagai bidang perniagaan, telah ditambah kepada RM800 juta (peruntukan permulaan adalah RM250 juta) dan ditukarkan kepada tabung pusingan. Ia adalah bertujuan untuk membolehkan lebih ramai lagi usahawan Bumiputera menyertai Skim ini. Agensi pelaksana tabung ini adalah termasuk Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan 10 bank perdagangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sejumlah 124 permohonan baru bernilai RM87.8 juta (Januari-Julai 1994: 251 permohonan bernilai RM152 juta) telah diluluskan. Oleh itu, sehingga akhir bulan Julai 1995, sebanyak 1,666 permohonan diluluskan dengan nilai sebanyak RM695.5 juta di mana RM589.5 juta telahpun dibayar.

Bank perdagangan terus membiayai pinjaman untuk eksport di bawah **Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR)** dengan tujuan untuk menggalakkan pengeksportan barang-barang perkilangan dan komoditi yang terpilih. Melalui

skim ini, Bank Negara Malaysia memberi pembiayaan pada kadar faedah istimewa melalui bank-bank perdagangan kepada pengeksport langsung dan tidak langsung yang berkeelayakan. Mencerminkan pertumbuhan eksport yang kukuh, jumlah pembiayaan ECR meningkat sebanyak 25% atau RM11.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 (di mana RM5.9 bilion adalah untuk pasca-penghantaran dan RM5.6 bilion adalah untuk pra-penghantaran), berbanding dengan RM9.2 bilion dalam tempoh masa yang sama tahun 1994. Sebahagian besar daripada kredit ini adalah untuk sektor minyak sawit (29.5%), diikuti oleh keluaran mekanikal dan elektrik (21.6%) dan keluaran getah (15.2%). Kadar pembiayaan ECR (termasuk skim tanpa faedah) telah dinaikkan sebanyak dua kali, iaitu daripada 5% setahun kepada 5.5% setahun, mulai daripada 1 April 1995 dan daripada 6.5% setahun kepada 6.75% setahun, mulai daripada 25 September 1995. Kenaikan ini adalah berikutan daripada kenaikan kadar faedah di pasaran wang tempatan terutamanya kadar BAs. Penghantaran semua jenis dokumen eksport oleh bank ECR kepada pembeli di luar negeri mestilah dibuat melalui bank pembeli tersebut dan tidak boleh dihantar terus kepada pembeli, mulai daripada 15 Jun 1995. Pendapatan eksport yang dibayar oleh pembeli luar negeri juga mestilah dibuat melalui bank pembeli tersebut bagi menjelaskan pinjaman ECR ini.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan bagi pinjaman di bawah skim **Tabung Untuk Makanan (TUM)** telahpun dilonggarkan bagi membolehkan lebih ramai lagi pengusaha kecil menyumbang secara langsung dalam meningkatkan hasil makanan negara. Pinjaman minimum tabung ini telah dikurangkan kepada RM10,000 daripada RM50,000 dengan tempoh pembayaran balik dipanjangkan kepada 8 tahun daripada 5 tahun sebelum ini. Kadar faedah juga telah dikurangkan sebanyak 4% daripada 8% sebelum ini. Tambahan pula, mereka yang ingin memohon pinjaman minimum ini tidak perlu mengemukakan cagaran tetapi ia adalah mencukupi sekiranya mereka mendapat sokongan daripada persatuan-persatuan peladang, penternak dan nelayan di kawasan masing-masing. Pinjaman yang dikeluarkan di bawah skim ini mencatatkan peningkatan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 dengan 229 permohonan bernilai RM56.3 juta (37 permohonan bernilai RM29.4

juta diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1994). Ini menambahkan bilangan permohonan yang diluluskan kepada 340 bernilai RM116.3 juta sehingga akhir bulan Julai 1995, di mana RM73.1 juta telah dikeluarkan. Sebahagian besar permohonan yang diluluskan adalah untuk penternakan binatang (RM66.4 juta), diikuti oleh penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran (RM24 juta) dan pemerosesan makanan (RM16.8 juta).

Mulai daripada 22 Jun 1995, bank perdagangan adalah dibenarkan untuk mengeluarkan pinjaman bercagarkan saham dan unit amanah saham sehingga 15% daripada jumlah pinjaman mereka. Sebelum ini, ia telah ditadbir dengan dua had, iaitu 15% untuk cagaran saham dan unit amanah saham yang diiktiraf, manakala 10% pula adalah untuk cagaran saham dan unit amanah saham yang tidak diiktiraf. Oleh itu, kesan daripada perubahan dasar ini menyebabkan tiada perbezaan wujud di antara saham dan unit amanah saham yang diiktiraf dan yang tidak diiktiraf.

Pada akhir bulan Julai 1994, terdapat 37 buah bank perdagangan beroperasi di seluruh negara dengan jumlah aset sebanyak RM266,989 juta dan mewakili 71.6% dari jumlah aset kasar sistem perbankan. Daripada bilangan ini, 23 adalah bank tempatan, manakala 14 adalah bank di bawah kawalan asing. Jumlah pejabat cawangan bank tempatan telah meningkat daripada 1,139 buah pada akhir tahun 1994 kepada 1,348 buah pada akhir bulan Julai 1995, sementara pejabat cawangan bank di bawah kawalan asing berkurangan daripada 146 kepada 144 buah memandangkan dua daripada bank asing ini telah dijual kepada syarikat milik negara.

Syarikat-syarikat Kewangan

Prestasi keseluruhan syarikat kewangan terus meningkat selaras dengan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan kewangan dalam ekonomi yang pesat berkembang. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, **jumlah sumber** (terutamanya meliputi modal dan rizab, deposit dan pinjaman daripada lain-lain institusi kewangan) yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 10.7% daripada RM73,472 juta pada akhir tahun 1994 kepada RM81,336 juta pada akhir bulan Julai 1995. Dalam tempoh masa kajian, **jumlah deposit** (termasuk PPS) yang digerakkan

oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 10.1% daripada akhir tahun 1994 kepada RM63,082 juta pada akhir bulan Julai 1995. Ia menggambarkan kadar faedah yang lebih tinggi yang ditawarkan untuk deposit tetap. Begitu juga dengan **jumlah pinjaman** yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan yang meningkat sebanyak 11.4% daripada akhir tahun 1994 kepada RM55,792 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 5.5% pada tempoh yang sama tahun 1994.

Deposit baru yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 76.8% atau RM5,805 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan RM3,283 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994, dengan para pendeposit terdiri daripada individu-individu, syarikat-syarikat perniagaan, institusi-institusi kewangan dan badan-badan berkanun. Sebahagian besar (88.3%) daripada deposit baru adalah dalam bentuk deposit tetap yang meningkat sebanyak 11.4% daripada akhir tahun 1994 kepada RM50,268 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 1.1% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini adalah disebabkan oleh kadar faedah yang lebih tinggi ditawarkan untuk deposit tetap. Walau bagaimanapun, deposit tabungan merosot sebanyak 11.8% atau RM651 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 36.9% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Jumlah keseluruhan deposit tabungan adalah sebanyak RM4,867 juta pada akhir bulan Julai 1995. SDB yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak 19% daripada akhir tahun 1994 kepada RM6,536 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 20.5% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pada akhir bulan Julai 1995, deposit syarikat kewangan berjumlah sebanyak RM63,082 juta iaitu menyumbangkan 16.9% dari jumlah sumber sistem perbankan. Daripada jumlah ini, 79.7% terdiri daripada deposit tetap, manakala deposit tabungan dan SDB menyumbangkan 7.7% dan 10.4% daripada jumlah keseluruhan deposit pada akhir bulan Julai 1995.

Menggambarkan peningkatan dalam permintaan pembiayaan daripada sektor swasta, aktiviti pemberian pinjaman syarikat kewangan terus meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Oleh sebab itu, jumlah pinjaman dan

Jadual 9.3
Syarikat-syarikat Kewangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1995
	1994		1995		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit tabungan	1,501	36.9	-651	-11.8	4,867
Deposit tetap	466	1.1	5,129	11.4	50,268
Deposit khas	-23	-67.7	-1.5	-4.1	35
SDB ¹	748	20.5	1,044	19.0	6,536
PPS	591	104.9	285	26.2	1,376
JUMLAH	3,283	6.4	5,805	10.1	63,082

¹ Sijil Deposit Boleh Niaga.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pendahuluan baru meningkat dengan ketara sebanyak 137.8% atau RM5,705 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 4.2% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dari segi peminjam, pinjaman kepada individu meningkat sebanyak 14% daripada akhir tahun 1994 kepada RM31,893 juta, manakala pinjaman kepada perniagaan meningkat sebanyak 8.1% kepada RM23,899 juta pada akhir bulan Julai 1995. Peningkatan pinjaman kepada individu adalah terutamanya untuk pembiayaan pinjaman perumahan (7.8%) dan kredit penggunaan (18.1%). Jumlah pinjaman yang diberikan kepada perusahaan perniagaan adalah untuk aktiviti-aktiviti produktif seperti dalam sektor pembinaan, perkilangan, perlombongan dan kuari serta hartanah yang meningkat, masing-masing sebanyak 6.1%, 16.3%, 21.8% dan 7.9%. Oleh kerana pertumbuhan dalam pinjaman mengatasi pertumbuhan dalam deposit, **nisbah pinjaman-deposit** syarikat kewangan meningkat daripada 87.4% pada akhir tahun 1994 kepada 88.4% pada akhir bulan Julai 1995.

Jadual 9.4

Syarikat-syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1995
	1994		1995		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	-73	-8.2	68	9.0	832
Perlombongan dan kuari	2	1.5	36	21.8	203
Perkilangan	226	9.0	479	16.3	3,424
Pembinaan	291	8.2	240	6.1	4,182
Hartanah	-92	-3.2	221	7.9	2,999
Individu yang mana:	1,764	7.4	3,915	14.0	31,893
Kredit penggunaan	768	4.9	3,223	18.1	21,026
Pembelian stok/saham	864	38.3	185	5.0	3,893
Perumahan ¹	132	2.2	507	7.8	6,974
Perdagangan am	-35	-2.5	37	2.6	1,430
Pelbagai	316	3.8	709	7.0	10,829
JUMLAH	2,399	5.5	5,705	11.4	55,792

¹ Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, mod kadar faedah tabungan tetap syarikat kewangan bagi tempoh matang 1-bulan dan 3-bulan meningkat kepada 5.80% dan 5.90% setahun, berbanding dengan 5.30% dan 5.50% setahun pada akhir tahun 1994. Ia mencerminkan kecairan yang lebih ketat dalam sistem perbankan. Walau bagaimanapun, mod kadar faedah bagi tempoh matang 12-bulan merosot sebanyak 0.1 mata peratusan daripada akhir tahun 1994 kepada 6.40% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Mod kadar faedah deposit tabungan kekal pada 5% setahun pada akhir bulan Julai 1995.

Akibat daripada kenaikan dalam kadar faedah tabungan tetap, **kos deposit purata** syarikat kewangan meningkat kepada 5.89% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 4.45% setahun pada akhir tahun 1994. Oleh yang demikian, mod **KPPA** syarikat kewangan meningkat kepada 9.00% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 7.85% setahun pada akhir tahun 1994. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata yang mencatatkan kenaikan sebanyak 0.16 mata peratusan kepada 11.28% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 11.12% setahun pada akhir tahun 1994. Selaras dengan kenaikan kos deposit purata yang lebih cepat berbanding dengan kadar pinjaman purata, margin kadar faedah kasar menjadi semakin kecil sebanyak 1.28 mata peratusan kepada 5.39% pada akhir bulan Julai 1995 daripada 6.67% pada akhir tahun 1994. Nisbah kecairan syarikat kewangan meningkat sedikit kepada 12.6% pada akhir bulan Julai 1995 daripada 12.4% pada akhir tahun 1994.

Dalam konteks pembiayaan kepada **sektor-sektor yang diberi keutamaan** sepertimana yang terdapat dalam Garis Panduan Pemberian Pinjaman Bank Negara Malaysia, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera adalah 47.8% daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir bulan Julai 1995. Bagi pemberian pinjaman kepada individu untuk membeli rumah berharga RM100,000 dan ke bawah seunit, syarikat kewangan secara keseluruhannya, telah mematuhi keperluan pembiayaan minimum iaitu sekurang-kurangnya separuh daripada 25,000 unit rumah sebelum akhir bulan Mac 1995. Pada bulan Julai 1995, syarikat-syarikat kewangan telah membiayai pembelian sebanyak 28,386 unit rumah.

Pada akhir bulan Julai 1995, bilangan syarikat kewangan yang beroperasi di seluruh negara kekal sebanyak 40 buah dengan 15 buah dimiliki sepenuhnya oleh bank perdagangan dan sebuah lagi dimiliki sepenuhnya oleh bank saudagar. Dalam masa yang sama, syarikat kewangan telah menubuhkan 49 buah cawangan baru, menjadikan jumlah pejabat cawangan di seluruh negara sebanyak 909 buah pada akhir bulan Julai 1995.

Merujuk kepada langkah-langkah perbankan yang diperkenalkan pada tahun 1995, mulai daripada 21 Januari 1995, syarikat kewangan telah dibenarkan mengeluarkan kad kredit kepada pelanggannya yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan, dengan syarat pada

bila-bila masa mereka harus mengekalkan sekurang-kurangnya RM50,000 dalam tabungan tetap mereka. Sekiranya pada bila-bila masa jumlah tabungan tetap ini didapati berada di bawah paras RM50,000, kemudahan kredit ini akan ditarik-balik dengan serta-merta. Mulai daripada 22 Jun 1995, syarikat kewangan juga dibenarkan memberi kemudahan kredit bercagarkan saham dan unit amanah saham (sepenuhnya ataupun sebahagiannya) sehingga 15% dari jumlah pinjaman mereka.

Bank Saudagar

Aktiviti perantaraan kewangan bank saudagar terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan keperluan pembentukan modal yang lebih banyak. Jumlah sumber bank saudagar daripada **aktiviti berasaskan dana** meningkat sebanyak 5.1% daripada akhir tahun 1994 kepada RM24,780 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 6.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994, berikutan pertambahan deposit baru yang disimpan dengan bank saudagar. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, **deposit baru** yang disimpan oleh institusi kewangan meningkat sebanyak RM1,006 juta, berbanding dengan kenaikan kecil sebanyak RM102 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini adalah disebabkan oleh kekukuhan dalam kadar faedah deposit. Walau bagaimanapun, deposit badan korporat merosot sebanyak 10.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM6,403 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 7.8% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Sebahagian besar (95.3%) dari jumlah deposit tetap bank saudagar meliputi deposit tempoh matang jangka pendek sehingga enam bulan. Seperti dalam tahun-tahun lepas, badan-badan korporat kekal sebagai penyimpan deposit yang terbesar, mewakili 41.1% dari jumlah deposit bank saudagar pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 52.2% pada akhir bulan Julai 1994. Dengan demikian, **jumlah deposit** (termasuk PPS) yang digerakkan oleh bank saudagar meningkat sebanyak 6.9% daripada RM14,574 juta pada akhir tahun 1994 kepada RM15,580 juta pada akhir Julai 1995. Pada akhir bulan Julai 1995, bank saudagar menggerakkan sebanyak 6.1% dari jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan, berbanding dengan 6.3% pada akhir tahun 1994.

Jadual 9.5
Bank-bank Saudagar: Deposit dan Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1995
	1994		1995		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	-537.6	-5.1	89.4	0.9	9,886.6
Bank perdagangan	-116.9	-29.6	43.1	9.0	520.3
Syarikat kewangan	-37.3	-7.4	251.3	97.3	509.5
Perbadanan-perbadanan	516.9	7.8	-710.6	-10.0	6,403.0
Lain-lain ¹	-900.3	-29.9	505.6	26.0	2,454.0
TPB	-3.0	-21.0	6.3	106.8	12.2
PPS	203.0	15.7	713.1	34.9	2,753.8
SDB	439.1	25.6	197.0	7.2	2,927.0
JUMLAH	-101.5	-0.8	1,005.8	6.9	15,579.8
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	859.9	18.1	483.1	7.7	6,796.1
Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri	-4.5	-11.5	-11.4	-33.9	22.2
Badan berkanun dan Kerajaan tempatan	17.6	52.7	-6.3	-14.2	38.1
PABK ²	-24.7	-17.1	-32.7	-21.0	123.0
Individu	578.0	3.9	119.4	5.6	2,259.1
Bumiputera Dalam negeri	294.9	9.7	413.6	10.5	4,345.8
Luar negeri	0.5	4.6	0.5	6.4	7.9
Bil-bil perdagangan (termasuk penerimaan jurubank)	-53.8	-8.9	49.4	8.5	632.2
Lain-lain	-482.6	-10.9	373.6	8.0	5,069.2
JUMLAH	323.5	3.3	906.1	7.8	12,497.5

¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

² Perusahaan Awam Bukan Kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Operasi pemberian pinjaman bank saudagar meningkat sebanyak 7.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM12,498 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan kenaikan sebanyak 3.3% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini disebabkan oleh peningkatan pinjaman oleh sektor awam sebanyak 17% dan kepada sektor swasta sebanyak 7.7%. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada sektor swasta adalah 99% dari jumlah pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar pada akhir bulan Julai 1995, manakala pinjaman kepada sektor awam ialah 1% sahaja. Pinjaman baru disalurkan terutamanya dalam bentuk pinjaman berjangka yang bernilai RM6,796 juta atau 54.4% dari jumlah deposit bank saudagar pada akhir bulan Julai 1995. Sebahagian besar pinjaman baru ini disalurkan kepada sektor kewangan, insurans dan perniagaan (sebanyak RM249 juta atau 27.5% dari jumlah pinjaman baru), sektor pertanian (RM238 juta atau 26.3%) dan sektor hartanah yang merangkumi pinjaman perumahan kepada individu dan pembinaan (RM223 juta atau 24.6%).

Selaras dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih pesat berbanding dengan pertumbuhan deposit, **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar meningkat daripada 79.6% pada akhir tahun 1994 kepada 80.2% pada akhir bulan Julai 1995. Oleh itu, **purata nisbah kecairan** bank saudagar merosot daripada 15.8% pada akhir tahun 1994 kepada 15.3% pada akhir bulan Julai 1995. Dengan peningkatan kadar faedah deposit tetap, kos deposit purata bank saudagar mencatatkan 5.8% pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 4.8% pada akhir tahun 1994. Pada masa yang sama, kadar pinjaman purata bank saudagar meningkat kepada 8.7% setahun pada akhir bulan Julai 1995 daripada 8% setahun pada akhir tahun 1994. Ini menyebabkan margin kadar faedah kasar bank saudagar berkurangan sebanyak 0.3 mata peratusan kepada 2.9% pada akhir bulan Julai 1995.

Pendapatan bank saudagar dari aktiviti berasaskan fi (fee) merosot sebanyak 14% kepada RM185 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM215.1 juta pada akhir bulan Jun 1994, iaitu mewakili 61.5% dari jumlah pendapatan bank saudagar. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam perolehan bersih daripada perniagaan alat-alat kewangan dan fi pengurusan portfolio. Walau bagaimanapun, sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan dalam pendapatan yang

diperolehi daripada pinjaman konsortium bersindiket, menaja jamin dan fi firma broker. Dengan berkembangnya pasaran modal, bank saudagar telah menaja jamin sebanyak 66 terbitan baru stok dan saham serta sekuriti hutang swasta (SHS) dengan nilai agregat sebanyak RM1,790 juta, berbanding dengan RM1,594 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Daripada ini, 8 adalah terbitan awam, 25 merupakan terbitan hak, manakala 5 adalah kombinasi terbitan hak dan awam. Pada masa yang sama, sebanyak 11 buah bank saudagar bertindak sebagai penasihat korporat dari segi pembelian, pengambilalihan, pergabungan dan kajian kemungkinan untuk 174 pelanggan korporat. Jumlah dana portfolio pelaburan yang dikendalikan oleh bank saudagar meningkat sebanyak 14.6% kepada RM3,704 juta pada akhir bulan Jun 1995, berbanding dengan RM2,890 juta pada akhir bulan Jun 1994. Walaupun jumlah dana yang dikendalikan oleh bank saudagar meningkat, jumlah fi yang diperolehi daripada aktiviti pengurusan portfolio bank saudagar merosot sebanyak 33.9% kepada RM11 juta pada akhir bulan Jun 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM16 juta dicatatkan pada akhir bulan Jun 1994. Ia mewakili 3.3% dari jumlah pendapatan bank saudagar pada akhir bulan Jun 1995, berbanding dengan 4.7% pada akhir bulan Jun 1994. Sebahagian besar (64.3%) dari dana portfolio yang diuruskan oleh bank saudagar adalah miliki institusi-institusi, termasuk dana simpanan swasta, manakala yang selebihnya dimiliki oleh badan korporat (17.4%), individu-individu (2%) dan lain-lain (16.3%). Pada akhir bulan Julai 1995, bilangan bank saudagar yang beroperasi di seluruh negara kekal sebanyak 12 buah dengan 6 pejabat cawangan di luar Kuala Lumpur. **Jumlah aset** bank saudagar meningkat sebanyak 5.1% daripada akhir tahun 1994 kepada RM24,780 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 6.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Salah satu langkah baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dalam membangunkan pasaran modal negara adalah membenarkan bank saudagar memberikan pinjaman bercagarkan saham dan unit amanah saham (diiktiraf ataupun tidak diiktiraf) sehingga 30% dari jumlah pinjaman mereka, mulai daripada 22 Jun 1995. Bank Negara Malaysia juga telah memperkenalkan satu instrumen baru yang dikenali sebagai waran panggilan. Selaras dengan Seksyen 33, Akta Perbankan dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA), Menteri Kewangan telah memberi

kelulusan untuk merangkumkan aktiviti terbitan waran panggilan ini dalam definisi aktiviti perniagaan bank saudagar. Satu lagi langkah yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada awal September 1995 adalah memperkenalkan sistem peraturan dua peringkat bagi bank saudagar, seperti yang telahpun diperkenalkan kepada bank-bank perdagangan pada tahun lalu, bagi perlaksanaannya pada akhir bulan September 1995. Langkah ini adalah bertujuan untuk mewujudkan sekumpulan bank saudagar yang dapat bersaing dan mengekalkan sebahagian pasaran domestik yang lebih wajar dalam menghadapi perkhidmatan kewangan yang lebih liberal sepertimana yang akan berlaku dengan pelaksanaan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan (GATS). Di antara keperluan-keperluan yang harus dipenuhi oleh bank saudagar untuk mencapai status Peringkat-1 adalah pemilikan modal pemegang saham sekurang-kurangnya RM250 juta pada akhir tahun 1995, memenuhi penarafan dari segi modal, aset, pengurusan, perolehan dan kecairan (CAMEL) serta mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti berasaskan fi. Insentif-insentif yang ditawarkan kepada bank saudagar di dalam Peringkat-1 termasuklah kebenaran menjalankan perniagaan pertukaran asing untuk akaun mereka sendiri dan juga untuk pelanggan mereka berhubung dengan aktiviti berasaskan fi, mengambil bahagian dalam pasaran derivatif serta menerima deposit daripada individu bernilai sekurang-kurangnya RM1 juta.

Syarikat Diskaun

Operasi syarikat diskaun terus berkembang pada kadar yang ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Pertambahan deposit baru menyebabkan **jumlah sumber** syarikat diskaun meningkat sebanyak 19.2% antara akhir tahun 1994 dan akhir bulan Julai 1995 kepada RM11,142 juta, iaitu hampir menyamai peningkatan sebanyak 20.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Jumlah deposit (termasuk PPS) yang digerakkan oleh syarikat diskaun meningkat sebanyak 18.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM10,626 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan 19.6% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Sebahagian besar **deposit baru** (termasuk PPS) disumbangkan oleh bank perdagangan (berjumlah RM644 juta atau

38.7% dari jumlah deposit baru), syarikat kewangan (RM337 juta atau 20.3%) serta kerajaan-kerajaan negeri dan tempatan (RM277 juta atau 16.7%), manakala syarikat perniagaan mencatatkan pengeluaran bersih sebanyak RM217 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995.

Jumlah pelaburan syarikat diskaun meningkat dengan ketara sebanyak 15.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995 kepada RM8,458 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.8% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dari segi komponen, pelaburan dalam BAs mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 35.8% (RM917 juta) kepada RM3,475 juta dan SHS sebanyak 19% (RM556 juta) kepada RM3,483 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1995. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh peralihan kepada instrumen-instrumen berpulangan tinggi seperti SHS dan bagi kecairan seperti BAs, pegangan MGS, bon Cagamas dan SDB merosot sebanyak 51.1% (RM272 juta), 32.1% (RM212 juta) dan 20.3% (RM47 juta) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan pengurangan sebanyak 20.8%, 14.5% dan 29.4% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Jumlah urusaniaga sekunder syarikat diskaun dalam pelbagai jenis instrumen meningkat sebanyak 85% daripada akhir tahun 1994 kepada RM58,203 juta pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan RM31,456 juta yang diurusniagakan pada tempoh yang sama tahun 1994. Jumlah belian dan jualan SHS meningkat sebanyak RM5,963 juta kepada RM17,697 juta, bon Cagamas sebanyak RM4,001 juta kepada RM6,553 juta dan bil Perbendaharaan sebanyak RM3,388 juta kepada RM6,693 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Begitu juga dengan jumlah nilai urusaniaga dalam BAs yang meningkat sebanyak RM10,468 juta kepada RM17,204 juta serta sijil dan bil Bank Negara Malaysia yang meningkat sebanyak RM7,259 juta kepada RM7,959 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan RM6,736 juta dan RM701 juta urusaniaga yang dijalankan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Walau bagaimanapun, jumlah belian dan jualan MGS merosot sebanyak RM4,810 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM1,046 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi-institusi pembiayaan pembangunan (IPP) merupakan agensi-agensi Kerajaan yang mengkhusus dalam menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang bagi membiayai pelaburan modal industri-industri baru dan usahawan dalam sektor perindustrian. Di Malaysia, IPP terdiri Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad (MIDF), Bank Industri Malaysia Berhad (Bank Industri), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pembangunan Sabah (BPS) dan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian). Pada akhir Jun 1995, jumlah keseluruhan sumber IPP berjumlah sebanyak RM8,703 juta, berbanding dengan RM8,158 juta pada akhir tahun 1994, iaitu meningkat sebanyak 6.7%. Kenaikan jumlah sumber yang sederhana mencerminkan pertambahan jumlah pinjaman yang tinggi, berbanding dengan pertambahan jumlah deposit yang telah dikumpulkan dalam tempoh separuh pertama tahun 1995.

Prestasi kedudukan sumber IPP adalah berbeza-beza sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6. Mencerminkan pertumbuhan yang kukuh dalam deposit (23.6%), jumlah sumber Bank Pertanian berkembang pada kadar 19.3% kepada RM3,482 juta pada akhir Jun 1995, berbanding dengan RM1,416 juta pada akhir tahun 1994. Jumlah sumber BPS pula meningkat pada kadar sederhana sebanyak 6.9% kepada RM889 juta pada akhir Jun 1995 daripada RM832 juta yang dicatatkan pada akhir tahun 1994. Namun begitu, jumlah sumber kedua-dua MIDF dan Bank Industri mencatatkan kenaikan yang rendah pada kadar 2.1% dan 1.5% kepada RM1,378 juta dan RM1,437 juta dalam tempoh yang sama. Jumlah sumber Bank Pembangunan pula merosot dengan sederhana pada kadar 7.7% kepada RM1,517 juta pada akhir Jun 1995 disebabkan oleh kejatuhan ketara (24.1%) jumlah deposit yang dikumpulkan dalam tempoh separuh pertama tahun 1995.

Kegiatan-kegiatan pinjaman oleh IPP meningkat dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 selaras dengan pertumbuhan pesat sektor perindustrian. Jumlah pinjaman IPP dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 berjumlah RM2,124.1 juta, meningkat sebanyak 160.3% berbanding dengan RM816 juta yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Sebahagian besar

pinjaman IPP disalurkan kepada sektor perkilangan (28.8%), pertanian (19.5%) dan industri perkapalan (11.6%), manakala, 15.7% digunakan bagi sektor pembinaan dan perlombongan dan bakinya sebanyak 24.4% diluluskan kepada sektor-sektor lain (termasuk kredit perdagangan dan sektor-sektor lain).

Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, kegiatan pinjaman IPP adalah berbeza-beza. Jumlah pinjaman yang diluluskan oleh Bank Pertanian meningkat dengan ketara sebanyak 204.9% kepada RM395.8 juta (Januari-Jun 1994: RM129.8 juta), sementara pinjaman baru oleh MIDF meningkat sebanyak 273.4% kepada RM561.3 juta (Januari-Jun 1994: RM150.3 juta). Dalam tempoh kajian, Bank Pembangunan meluluskan pinjaman bernilai RM509.1 juta (Januari-Jun 1994: RM346.3 juta), manakala kredit yang diluluskan oleh Bank Industri meningkat kepada RM164.7 juta dalam tempoh Januari-Jun 1994 kepada RM294.7 juta dalam tempoh yang sama tahun 1995. Sementara itu, jumlah pinjaman oleh BPS meningkat kepada RM363.2 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan RM25 juta yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dengan demikian, jumlah baki pinjaman yang diluluskan oleh IPP pada akhir Jun 1995 bernilai sebanyak RM4,502.4 juta berbanding dengan RM4,043.9 juta pada akhir tahun 1994. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6, purata kadar faedah yang dikenakan oleh IPP adalah berbeza-beza antara 4% hingga 10% setahun.

Di samping itu, IPP terus memainkan peranan sebagai agensi pelaksana dalam menyalurkan berbagai sekim bantuan kredit yang disediakan oleh Kerajaan. Sekim ini termasuklah bantuan di bawah Tabung Penyelarasan Perindustrian (TPP), Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) dan Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun (AJDF). TPP telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan peruntukan sebanyak RM500 juta bertujuan untuk merasionalisasi dan menyusun semula syarikat-syarikat dalam tiga industri terpilih, iaitu mesin dan kejuruteraan, industri berasaskan kayu-kayan dan tekstil. Memandangkan tiada permohonan baru diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 (Januari-Julai 1994: satu permohonan dengan nilai RM2 juta), bilangan keseluruhan permohonan yang diluluskan sehingga akhir bulan Julai 1995 kekal pada tahap tahun 1994, iaitu sebanyak 16 permohonan (RM56 juta). Sehingga

Jadual 9.6

Institusi Pembiayaan Pembangunan
(sehingga akhir bulan Jun)

<i>Institusi</i>	<i>1994</i>	<i>Jun 1995</i>
Jumlah Sumber¹ (RM juta)		
Bank Pertanian Malaysia	2,918	3,482
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	1,643	1,517
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	1,349	1,378
Bank Industri Malaysia Bhd.	1,416	1,437
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	832	889
Kadar Faedah Purata (%)		
Bank Pertanian Malaysia		
Kadar konsesi	4.00	4.00
Kadar komersil	0-4 melebihi KPPA	0-4 melebihi KPPA
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	6.43	6.55
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd	8.01	8.15
Bank Industri Malaysia Bhd.		
Pembaikan kapal	6.00	6.00
Pembinaan kapal	7.75-9.00	7.75-9.00
Infrastruktur limbungan	9.00	9.00
Sekim pembiayaan semula kredit eksport	5.00-9.00	5.00-9.00
Bank Pembangunan Sabah	melebihi 9.00	melebihi 9.00

¹ Termasuk dana pemegang saham, pinjaman jangka pendek dan deposit

² Kadar pemberian pinjaman asas

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

Jadual 9.7

Halaun Pemberian Pinjaman oleh IPP
(sehingga akhir bulan Jun)

	<i>1994 (Januari-Jun) (RM juta)</i>	<i>1995^a</i>	<i>Perubahan %</i>
Perkilangan	322	611	89.6
Perkapalan	122	247	102.4
Pertanian	131	414	216.0
Pembinaan dan hartanah	44	315	615.9
Perlombongan dan kuari	5	18	260.9
Lain-lain	292	519	77.7
JUMLAH	916	2,124	160.3

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Kewangan Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad

akhir bulan Julai 1995, sejumlah RM44 juta telah dikeluarkan iaitu merangkumi sebanyak 78.6% daripada jumlah pinjaman yang telah diluluskan.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sebanyak satu permohonan bernilai RM2.4 juta telah diluluskan di bawah TPU (Januari-Julai 1994: tiga permohonan bernilai RM17 juta). Pada 31 Julai 1995, sebanyak 235 permohonan bernilai RM802.2 juta telah diluluskan, manakala jumlah pengeluaran pinjaman bernilai RM574.7 juta. Sebahagian besar daripada pinjaman diluluskan kepada sektor pembinaan dan perumahan (RM667.4 juta), manakala sektor hartanah (RM77.9 juta) dan perkilangan sebanyak RM41 juta. Tabung ini dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 juta telah ditubuhkan pada tahun 1988 bagi menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaya-maju tetapi mengalami masalah berikutan dengan kemelesetan ekonomi tahun 1985/86.

AJDF yang ditubuhkan pada tahun 1989 merupakan satu lagi skim yang bertujuan untuk memajukan industri-industri kecil dan sederhana. Dana asal tabung ini disediakan oleh Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport dan Import Jepun (EXIM). Dana tabung ini disalurkan melalui empat IPP iaitu, Bank Pembangunan, Bank Industri, Bank Pertanian dan MIDF. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, sebanyak 78 permohonan bernilai RM143 juta telah diluluskan berbanding dengan 33 permohonan bernilai RM43 juta yang telah diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Sehingga akhir Jun 1995, sebanyak RM1,436 juta telah diluluskan oleh keempat-empat IPP melibatkan 3,903 buah projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,076 juta (74.9%) disediakan oleh OECF, manakala baki sebanyak RM360 juta (25.1%) daripada Bank EXIM.

Institusi-institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, jumlah sumber **Bank Simpanan Nasional (BSN)** terus meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Jumlah sumber BSN dianggarkan meningkat sebanyak RM1.3 bilion atau 8.3% dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM1.2 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan jumlah sumber yang perlahan dalam tempoh tersebut terutama disebabkan oleh pertumbuhan yang sederhana dalam jumlah deposit, manakala jumlah pengeluaran pula tinggi. Dengan ini, jumlah sumber terkumpul BSN pada akhir Jun 1995 berjumlah sebanyak RM5.1 bilion, berbanding dengan RM4.6 bilion pada akhir Jun 1994.

Simpanan baru terus merupakan sumber pertumbuhan utama bagi BSN. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, jumlah **simpanan baru** yang dikumpulkan oleh BSN berjumlah RM1,541 juta kepada RM8,865 juta, iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 21% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1994 (35.3%). Sebaliknya, pengeluaran (termasuk penebusan sijil simpanan premium) mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi (23.2%) kepada RM8,793 juta (Januari-Jun 1994: 37.9%, RM7,139 juta). Ini menyebabkan peningkatan yang lebih kecil dalam jumlah deposit bersih iaitu sebanyak

RM72 juta dalam separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: RM184.9 juta). Dengan demikian, jumlah simpanan terkumpul meningkat sebanyak 1.5% daripada RM4,608.4 juta pada akhir tahun 1994 kepada RM4,679.5 juta pada akhir Jun 1995. Peningkatan yang lebih kecil dalam jumlah deposit bersih yang dikumpulkan oleh BSN mungkin disebabkan oleh pulangan yang menarik yang diperolehi dalam bentuk simpanan dan pelaburan alternatif, terutamanya dalam unit tabung amanah.

Pertumbuhan dalam jumlah simpanan terutama disebabkan oleh peningkatan deposit yang kukuh bagi skim simpanan GIRO iaitu sebanyak RM7,790.7 juta atau 26.1% dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: RM6,176 juta). Simpanan baru yang telah dikumpul di bawah skim ini merupakan 88% daripada jumlah simpanan keseluruhan. Jumlah pengeluaran juga turut meningkat sebanyak 26.3% kepada RM7,718 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan RM6,110.7 juta yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Ini menyebabkan jumlah simpanan bersih di bawah skim simpanan GIRO adalah agak tinggi berjumlah RM72.5 juta, berbanding dengan RM65.3 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, sebanyak 68,869 Arahkan Terjamin Giro (ATG) bernilai RM198 juta (Januari-Jun 1994: 75,154, RM218 juta) telah dikeluarkan. ATG telah diperkenalkan oleh BSN pada tahun 1993 bagi memudahkan pemegang akaun dan orang ramai memohon terbitan-terbitan saham baru.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan simpanan baru yang dikumpul melalui skim simpanan tetap semakin berkurangan. Dalam separuh pertama tahun 1995, jumlah simpanan tetap bagi pelbagai tempoh matang berjumlah RM241.5 juta iaitu merosot sebanyak 31.2%, berbanding dengan RM351 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Simpanan tetap yang sedikit disebabkan oleh kadar simpanan yang rendah yang ditawarkan oleh BSN dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah **deposit bagi akaun simpanan** mencatatkan peningkatan sebanyak 2.6% atau RM732.4 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan RM714 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Sementara itu, jumlah simpanan daripada skim Simpanan Dari Pendapatan (SEDAR) adalah sama seperti

yang dicatatkan bagi tempoh Januari-Jun 1994 sebanyak RM7.8 juta disebabkan jumlah pengeluaran yang tinggi dalam tempoh tersebut. Sebaliknya, deposit bersih yang dikumpul di bawah skim sijil simpanan premium mencatatkan peningkatan sebanyak RM22.8 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: RM13.5 juta) disebabkan jumlah penebusan meningkat dengan sederhana sebanyak 13.6% kepada RM69.4 juta berbanding dengan simpanan baru sebanyak RM92.2 juta.

Dari segi **pelaburan**, BSN terus melabur sebahagian besar daripada sumbernya dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), bon Cagamas dan bil Perbendaharaan. Pada akhir Jun 1995, pelaburan BSN dalam MGS meningkat dengan sedikit sahaja pada kadar 0.2% kepada RM2,129.7 juta, iaitu merangkumi sebanyak 41.9% daripada jumlah pelaburan, manakala penempatan deposit jangka pendek dalam sistem bank meningkat kepada RM631 juta. Berikutan dengan keadaan pasaran saham tempatan yang tidak bermaya, jumlah pelaburan BSN dalam pasaran stok dan saham merosot sebanyak 8.2% kepada RM773.5 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan RM842.2 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, **jumlah pinjaman** yang dikeluarkan oleh BSN berjumlah RM1,113.7 juta, meningkat sebanyak 12.4% berbanding dengan RM990.6 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Analisa menunjukkan bahawa jumlah pinjaman kepada individu adalah yang tertinggi iaitu 74.3% atau RM827.3 juta daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Pinjaman korporat juga meningkat dengan ketara sebanyak 46.7% kepada RM161.4 juta dalam tempoh tersebut berbanding dengan RM110 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Pada akhir Jun 1995, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh BSN berjumlah sebanyak RM1,113.7 juta (akhir Jun 1994: RM975.7 juta) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.8.

Program pengembangan BSN telah diteruskan dalam tempoh separuh pertama tahun 1995. Dalam tempoh tersebut, pihak bank telah menubuhkan dua buah lagi cawangan kecil dan membuka sembilan mesin pengeluaran berautomatik (ATM). Pada akhir Jun 1995, bank ini mempunyai sejumlah

Jadual 9.8

Bank Simpanan Nasional
(pada akhir tempoh)

	1994	Jun 1995 ^a
Deposit¹ (RM juta)		
Simpanan	1,693	1,891
Tetap	863	842
Simpanan dari pendapatan	21	21
GIRO	1,776	1,848
Sijil Simpanan Premium	255	278
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)		
MGS	2,140	2,130
Stok dan saham ²	842	774
Lain-lain ³	589	631
Pinjaman (RM juta)	976	1,113
Individu	778	827
Korporat	111	161
Kad visa	9	15
Sewa-beli	78	110
Bilangan cawangan BSN ⁴	478	479
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	695	602
Bilangan penyimpan ('000)	9,593	9,979
Simpanan	5,057	5,090
Tetap	73	75
Simpanan dari pendapatan	23	22
GIRO	4,440	4,792

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan jangka pendek.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional

479 cawangan dan 585 mesin ATM, manakala jumlah bilangan penyimpan berkurangan sedikit dari 10,377,089 pada akhir 1994 kepada 9,989,171 pada akhir Jun 1995.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Dalam tahun 1995, kumpulan wang simpanan dan pencen memainkan peranan yang bertambah penting dalam menggembeling tabungan negara bagi membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang yang dilaksanakan oleh sektor awam. Empat kumpulan wang simpanan dan pencen utama, iaitu KWSP, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera (TAT) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) telah menggembeling sumber yang besar untuk membiayai pembangunan selaras dengan perkembangan kegiatan mereka yang semakin meningkat. Jumlah dana yang digembeling oleh kumpulan wang simpanan dan pencen meningkat sebanyak 2.5% kepada RM98.2 bilion pada akhir bulan Jun 1995, berbanding dengan RM95.8 bilion pada akhir tahun 1994. Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, KWSP merupakan kumpulan wang simpanan dan pencen yang terbesar di negara ini diikuti oleh KWAP, PERKESO dan TAT.

Jumlah sumber KWSP meningkat pada kadar 5.9% daripada RM84.5 bilion pada akhir 1994 kepada RM89.5 bilion pada akhir Jun 1995. Pertambahan sumber ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan sumbangan ahli-ahli yang berterusan dan pulangan yang tinggi daripada kegiatan-kegiatan pelaburan. Jumlah sumbangan kasar kepada KWSP meningkat sebanyak 1.2% atau RM5.3 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan RM4.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1994. Ini adalah berikutan dengan pertambahan bilangan pencarum KWSP sebanyak 4.9% kepada 213,469 dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: 203,475). Kedudukan pada akhir bulan Jun 1995 menunjukkan bilangan pencarum KWSP berjumlah seramai 7,444,693 orang. Jumlah pengeluaran meningkat dengan perlahan sebanyak 15.4% atau berjumlah RM1.5 bilion (Januari-Jun 1994: RM1.3 bilion). Dengan ini, jumlah sumbangan bersih kepada KWSP meningkat pada kadar 22.6% kepada RM3.8 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1995 (Januari-Jun 1994: RM3.1 bilion). Jika diambilkira pendapatan dari faedah, jumlah baki akaun pencarum meningkat sebanyak 6.3% daripada RM84 bilion pada akhir tahun 1994 kepada RM89.3 bilion pada akhir Jun 1995. Jumlah ini merupakan 94.6% daripada jumlah sumber KWSP.

Jumlah pelaburan KWSP meningkat sebanyak 5.1% atau RM4.2 bilion kepada RM87.2 bilion pada akhir Jun 1995, daripada RM83 bilion pada akhir tahun 1994. Jumlah pegangan KWSP dalam MGS berkurangan sedikit pada kadar 0.7% daripada RM40.3 bilion pada akhir tahun 1994 kepada RM40 bilion pada akhir bulan Jun 1995. Jumlah ini merupakan sebanyak 45.9% daripada jumlah pelaburan keseluruhan KWSP, tetapi ianya masih lagi rendah berbanding dengan keperluan mandatori yang menghendaki 70% daripada sumber KWSP dilaburkan dalam MGS. Ini disebabkan oleh kekurangan kertas-kertas Kerajaan yang berpunca dari pengurangan pinjaman Kerajaan hasil daripada kedudukan kewangan yang bertambah kukuh. Namun begitu, pelaburan dalam pinjaman dan debentur masih sama pada tahap tahun 1994 iaitu bernilai sebanyak RM6.3 bilion. Lain-lain pelaburan KWSP yang besar ialah dalam sekuriti korporat (termasuk nota janji) yang meningkat dengan ketara sebanyak 14.4% atau RM2.1 bilion. Ini menjadikan jumlah pelaburan KWSP dalam saham berjumlah sebanyak RM16.7 bilion pada akhir Jun 1995 (akhir 1994: RM14.6 bilion). Di samping itu, KWSP juga menambah pelaburan dalam SDB, simpanan tetap dan simpanan jangka pendek yang telah mencatatkan peningkatan sebanyak 11.5% atau RM2.5 bilion kepada RM24.3 bilion pada akhir Jun 1995 (akhir 1994: RM21.8 bilion).

KWAP telah berjaya mengumpul sebanyak RM1,078 juta dana dalam tempoh separuh pertama tahun 1995. Ini menjadikan jumlah dana KWAP pada akhir Jun 1995 berjumlah sebanyak RM5,360 juta. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Tabung Amanah Pencen 1991, dana utama KWAP adalah diperolehi daripada sumbangan tahunan Kerajaan (5% daripada jumlah bayaran emolumen tahunan kakitangan awam), sumbangan bulanan majikan mengikut Akta Pencen Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (17.5% daripada gaji pegawai yang layak bersara), bayaran balik daripada caruman pihak majikan kepada KWSP dan dana-dana lain yang diluluskan bagi pegawai awam yang bersara serta pendapatan dari pelaburan dan dana-dana lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Sebahagian besar dana KWAP (82%) disalurkan untuk pelaburan, manakala baki sebanyak 18% ditempatkan di dalam sistem perbankan, termasuk Bank Negara Malaysia. KWAP telah mula mempelbagaikan pelaburan,

Jadual 9.9

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen
(pada akhir tempoh)

	Jumlah Sumber (RM juta)		Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)		Bilangan Ahli (‘000)	
	1994	Jun 1995 ^a	1994	Jun 1995 ^a	1994	Jun 1995 ^a
KWSP	84,543	89,451	40,271	39,980	7,277	7,445
PERKESO	3,825	4,437	1,960	1,920	7,137	7,406
TAT	3,004	3,200	10	13	100	96
KWAP	4,424	1,078	0	0	—	—
JUMLAH	95,796	98,166	42,241	41,913	14,514	14,947

^a Data awalan.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

terutamanya dalam pasaran saham selaras dengan objektifnya untuk menjadi tabung mampu mempunyai sumber kewangan sendiri dan seterusnya boleh mengambilalih tanggungjawab Kerajaan dengan berkesan dalam menyediakan kemudahan pencen, gratuity dan lain-lain faedah pencen bagi setiap pesara sektor awam.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, jumlah sumber **PERKESO**, yang ditubuhkan bagi menyediakan faedah kebajikan sosial kepada pekerja melalui Sekim Insuran Kecederaan Pekerjaan dan Sekim Pencen Invaliditi sebagaimana yang termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, meningkat sebanyak 16% kepada RM4,437 juta pada akhir Jun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan sebanyak 15% atau RM316 juta bagi jumlah sumbangan bersih berikutan dengan pendaftaran bilangan pencarum yang lebih ramai (7,405,854) dalam tempoh tersebut berbanding dengan 7,136,992 juta pada akhir tahun 1994. Sebahagian besar daripada dana PERKESO dilaburkan dalam MGS (43.3%) dan sekuriti korporat (11.9%), sementara bakinya di tempatkan dalam sistem perbankan.

Jumlah dana **TAT** mencatatkan peningkatan sebanyak RM107 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, berbanding dengan kenaikan sebanyak RM140 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Jumlah sumbangan TAT berjumlah RM102.7 juta, manakala pembayaran faedah berjumlah RM192.5 juta dalam tempoh tersebut. Pada akhir Jun 1995, jumlah dana TAT bernilai RM3,200 juta iaitu meningkat sebanyak 3.5% daripada RM3,093 juta pada akhir tahun 1994. Sumbangan daripada ahli dan pulangan atas pelaburan merupakan sumber utama kepada dana TAT yang ditubuhkan pada tahun 1972 untuk memberikan perkhidmatan kepada semua anggota pasukan bersenjata, termasuk mereka yang telah pun bersara. Keahlian TAT pada akhir Jun 1995 berjumlah 96,400 orang iaitu agak rendah sedikit (3.6%) jika dibandingkan dengan sejumlah 100,000 pada akhir 1994 disebabkan bilangan mereka yang bersara melebihi bilangan yang bekerja. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1995, sebahagian besar pelaburan TAT adalah dalam sekuriti korporat (RM2,315.7 juta atau 72.4%), sementara 27.2% dalam bentuk harta tetap. Pegangan dalam bentuk sekuriti Kerajaan hanya merangkumi 0.4% daripada jumlah pelaburan.

Syarikat-syarikat Insurans

Industri insurans terus berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Jumlah aset industri ini berkembang sebanyak 22.7% kepada RM20.9 bilion pada tahun 1994 berbanding dengan peningkatan sebanyak 24.7% pada tahun 1993. Aset industri ini merangkumi 3.3% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 1994. Jumlah pendapatan premium daripada kedua-dua sektor insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 22.6% pada tahun 1994 kepada RM6.5 bilion, manakala jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar meningkat sebanyak 10.4% kepada RM2 bilion. Pendapatan premium industri ini adalah 3.7% daripada Keluaran Negara Kasar nominal pada tahun 1994 berbanding dengan 3.4% pada tahun 1993.

Perniagaan sektor **insurans nyawa** terus berkembang pesat pada tahun 1994 dengan jumlah pendapatan premium meningkat sebanyak 27.2% kepada RM1.2 bilion, berbanding dengan RM936 juta yang dicatatkan pada tahun 1993. Ini disebabkan terutamanya oleh pertambahan 17.3% bilangan polisi-polisi baru yang dikeluarkan kepada 945,989 unit dan peningkatan sebanyak 36.6% bagi jumlah yang diinsuranskan kepada RM61.7 bilion pada tahun 1994. Sehingga akhir tahun 1994, sebanyak 4,334,125 polisi telah dikeluarkan dengan menghasilkan premium tahunan berjumlah RM3.7 bilion. Dengan peningkatan jumlah polisi, jumlah nilai yang diinsuranskan meningkat sebanyak 26.2% kepada RM198 bilion berbanding dengan RM156.9 bilion yang dicatatkan pada akhir tahun 1993, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 9.10. Jumlah aset sektor insurans nyawa meningkat sebanyak 22.8% kepada RM14.9 bilion pada tahun 1994 (1993: RM12.1 bilion). Sebahagian besar dana insurans nyawa dilaburkan dalam sekuriti Kerajaan dan pinjaman jaminan Kerajaan (29.6%), wang tunai dan deposit (21.6%), sekuriti korporat (20.8%), pinjaman (19.1%) dan bakinya (9%) dilaburkan dalam aset tetap dan harta-harta lain.

Prestasi sektor **insurans am** terus meningkat pada tahun 1994 berikutan kepesatan aktiviti-aktiviti perniagaan dalam ekonomi. Jumlah premium kasar meningkat sebanyak 21.6% kepada RM3.9 bilion pada tahun 1994 dari RM3.2 bilion yang dicatatkan pada tahun 1993. Setelah diambilkira jumlah yang diinsuranskan semula di luar Malaysia, pendapatan premium bersih insurans am berjumlah RM2.8

Jadual 9.10

Perniagaan Insurans Nyawa dan Am

	1993	1994 ¹
Insurans Nyawa (RM juta)		
Perniagaan Baru:		
Bilangan Polisi ('000 unit)	806.6	946.0
Jumlah diinsuranskan	45,137.6	61,665.1
Jumlah premium	936.0	1,190.5
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Bilangan polisi ('000 unit)	3,736.8	4,334.1
Jumlah diinsuranskan	156,896.2	197,961.0
Premium tahunan	2,971.1	3,692.8
Pendapatan Premium	2,957.4	3,655.3
Pembayaran faedah:		
Jumlah	771.0	919.8
Kematangan	291.4	330.4
Kematian dan hilang upaya	287.1	346.5
Penyerahan	157.2	180.5
Bonus tunai	35.1	62.2
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Diurusniagakan	3,233.4	3,930.7
Bersih	2,369.3	2,841.4
Insurans semula di luar Malaysia	864.1	1,089.3
Nisbah Pembendungan (%)	73.3	72.3
Bilangan Syarikat Insurans:		
Langsung:		
Nyawa	5	5
Am	41	40
Campuran	13	13
Insurans semula:		
Am	2	3

¹ Data awalan.

Sumber: Ketua Pengarah Kastam.

bilion, iaitu meningkat sebanyak 19.9%. Dengan ini nisbah pembendungan pada tahun 1994 adalah rendah iaitu sebanyak 72.3% berbanding dengan 73.3% pada tahun 1993. Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 9.11, jumlah aset sektor insurans am meningkat sebanyak 22.7% kepada RM6 bilion pada akhir tahun 1994 berbanding dengan pertambahan sebanyak 27% pada akhir tahun 1993. Daripada jumlah tersebut, wang dan deposit merangkumi 37.4% (RM2.2 bilion), manakala pelaburan dalam sekuriti Kerajaan RM1.7 bilion (27.7%) dan sekuriti korporat RM0.9 bilion (14.8%).

Industri insurans dijangka menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 1995. Ini berdasarkan data yang belum diaudit bagi suku pertama tahun 1995 yang menunjukkan pendapatan premium industri ini meningkat sebanyak 15.4% kepada RM1.6 bilion, manakala

jumlah aset meningkat kepada RM21.7 bilion (akhir 1994 : RM21 bilion). Premium baru perniagaan bagi insurans nyawa juga meningkat sebanyak 22% kepada RM251 juta, manakala bilangan polisi baru yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut, meningkat sebanyak 8.2% kepada 183,426 unit polisi. Pada akhir Mac 1995, jumlah bilangan polisi berkuatkuasa berjumlah sebanyak 4,390,677 polisi dengan premium tahunan dijangka sebanyak RM3,772 juta, iaitu meningkat sebanyak 22.9% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1994. Akaun yang belum diaudit juga menunjukkan jumlah premium kasar insurans am meningkat sebanyak 17.6% kepada RM1 bilion (Januari-Mac 1994: RM884 juta) dan jumlah premium tertanggung bersih berjumlah RM742 juta (Januari-Mac 1994: RM627 juta). Dengan demikian, jumlah aset kedua-dua sektor insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 16.1% kepada RM21.7 bilion dalam tempoh tersebut (Jan-Mac 1994: 10.6% kepada RM17.8 bilion).

Jadual 9.11

Dana Syarikat Insurans Nyawa dan Am¹
(Pada akhir tempoh)

	Insurans Nyawa (RM juta)		Insurans Am (RM juta)	
	1993	1994 ¹	1993	1994 ¹
Aset tetap	79.6	93.0	211.1	239.0
Pinjaman	2,060.7	2,838.5	72.9	103.9
Sekuriti Kerajaan ²	3,810.0	3,989.3	1,290.6	1,666.0
Pinjaman Jaminan Kerajaan	453.7	409.0	83.9	71.2
Sekuriti Korporat	2,151.2	3,090.6	483.6	889.0
Hartanah	515.6	679.3	44.8	37.7
Wang Tunai dan deposit	2,673.4	3,215.2	2,089.7	2,249.9
Lain-lain aset	374.5	561.2	630	764.7
JUMLAH	12,118.7	14,876.1	4,906.6	6,021.4

¹ Data awalan.

² Termasuk bil Perbendaharaan dan sekuriti Kerajaan yang dikeluarkan di luar negeri.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans.

Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. yang menyediakan perkhidmatan insurans menurut prinsip Islam terus berkembang pada awal tahun 1995. Jumlah aset syarikat meningkat sebanyak 34.3% kepada RM202 juta pada akhir tahun kewangan yang berakhir pada Jun 1995, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 21.8% bagi tahun kewangan 1994. Takaful Am merangkumi sebanyak 42.3% daripada jumlah aset, manakala Takaful Perniagaan Keluarga merangkumi 16.4% daripada jumlah dana pemegang saham. Sebanyak 24.4% daripada aset takaful dilaburkan dalam akaun pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad, sementara 8% adalah ditempatkan dalam kemudahan pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil dan 32.4% lagi dalam sekuriti Kerajaan.

Dalam tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 1995, jumlah sijil baru bagi perniagaan Takaful Keluarga ialah sebanyak 11,016 sijil yang bernilai RM949.8 juta berbanding dengan 6,958 sijil (RM580.4 juta) yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1994. Dengan demikian, jumlah sijil berkuatkuasa di bawah skim ini meningkat kepada 35,268 melibatkan jumlah sumbangan sebanyak RM24.7 juta pada akhir Jun 1995. Sebaliknya, jumlah sumbangan di bawah perniagaan Takaful Am meningkat sebanyak 45.1% kepada RM 55.7 juta bagi tempoh yang berakhir pada 30 Jun 1995, berbanding dengan peningkatan sebanyak 16.7% pada akhir Jun 1994. Dalam

Jadual 9.12

Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad

	<i>Tahun Kewangan 1994</i>	<i>Tahun Kewangan 1995^a</i>
Aset¹ (RM juta)		
Sijil Pelaburan Malaysia	27.0	65.4
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	61.6	49.2
Lain-lain ²	61.8	87.4
Takaful Keluarga		
Perniagaan Baru:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	10.9	14.7
Jumlah Penyertaan: (RM juta)	580.4	949.8
Bilangan sijil	6,958	11,016
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Jumlah Sumbangan (RM juta)	18.7	24.7
Jumlah Penyertaan (RM juta)	1,578.8	2,351.3
Bilangan Sijil	24,590	35,268
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar	38.5	55.7
Tuntutan pembayaran bersih	8.3	8.3

^a Data awalan.

¹ Pada akhir 30 Jun.

² Termasuk saham, wang tunai dan baki serta aset lain.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad.

tempoh yang sama, jumlah tuntutan bersih yang dibayar kekal pada tahap tahun lepas iaitu sebanyak RM8.3 juta.

Pembangunan industri insurans di negara ini juga dapat dilihat dari segi bilangan syarikat insurans dan agen insurans yang berkaitan yang sedang beroperasi di Malaysia. Pada akhir tahun 1994, terdapat sebanyak 61 syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia. Daripada jumlah ini, 50 buah syarikat adalah ditubuhkan dalam negeri, manakala 11 buah syarikat lagi adalah syarikat asing. Terdapat 37 syarikat broker insurans berlesen dan 42 penilai kerosakan yang beroperasi di Malaysia pada akhir tahun 1994.

Pasaran Modal

Pasaran modal terus merupakan sumber dana yang utama bagi membiayai pembentukan modal dalam tahun 1995. Jumlah dana yang diperolehi dari pasaran modal melalui kedua-dua sektor awam dan swasta bernilai sebanyak RM11,206 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, 15.3% lebih rendah berbanding dengan RM13,236 juta pada tempoh yang sama tahun 1994. Kejatuhan ini terutamanya disebabkan oleh penebusan bersih oleh sektor awam kerana tidak ada terbitan baru MGS dalam tempoh tersebut. Dana pasaran modal diperolehi melalui penerbitan SHS termasuk bon serta nota Cagamas dan juga sekuriti korporat. Dalam tempoh tersebut, tiada sebarang dana di perolehi dari sektor awam, manakala sektor swasta telah memperolehi dana kasar berjumlah RM11,831 juta, berbanding dengan RM11,536 juta dalam tempoh yang sama tahun 1994. Pertambahan besar dalam jumlah dana terutamanya disebabkan oleh pengapungan 135 juta unit saham milik Petronas Gas Sdn. Bhd. yang bernilai RM11.5 bilion juta pada bulan Ogos 1995. Pertambahan jumlah dana yang diperolehi dari sektor swasta berbanding dengan sektor awam mencerminkan peningkatan minat sektor korporat untuk memperolehi sumber pembiayaan langsung dari pasaran modal sebagai alternatif kepada pinjaman daripada sistem perbankan. Di samping itu, kedudukan kewangan Kerajaan yang kukuh juga telah mengurangkan keperluan Kerajaan untuk menggembelikan tambahan tabungan daripada pasaran.

Kerajaan Persekutuan tidak mengapungkan sebarang terbitan MGS dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan sebanyak RM2,229 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1994. Dalam tempoh yang sama, Kerajaan telah mengeluarkan satu pinjaman melalui terbitan Sijil Pelaburan Malaysia bernilai RM750 juta. Namun begitu, jumlah penebusan bagi sijil pelaburan dan bon simpanan Malaysia dalam tempoh tersebut berjumlah sebanyak RM1.4 bilion. Oleh itu, jumlah penebusan bersih yang diperolehi dari pasaran modal dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 bernilai sebanyak RM625 juta. Sebaliknya, sebanyak RM1,700 juta dana telah diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1994, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9.13. Ketiadaan sebarang jumlah dana bersih daripada sektor awam adalah disebabkan program penswastaan oleh Kerajaan dan berkurangnya keperluan untuk membuat pinjaman.

Dana yang diperolehi dari **sektor swasta** berjumlah sebanyak RM11,381 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 melalui terbitan sekuriti korporat dan SHS. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% berbanding dengan jumlah dana yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1994 (RM11,536 juta). Dana kasar yang diperolehi dari sekuriti korporat berjumlah RM8,175 juta atau merupakan 69% daripada jumlah dana keseluruhan yang diperolehi. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3,589 juta diperolehi dari 6 terbitan awam, RM3,336 juta dari 27 terbitan hak, RM323 juta dari 14 terbitan khas, RM165 juta dari tawaran swasta dan sebanyak RM763 juta daripada waran. Peningkatan ketara ialah melalui terbitan awam berikutan pengapungan saham Petronas Gas Sdn. Bhd. dalam bulan Ogos 1995 yang merupakan tawaran terbesar bagi tahun 1995. Dalam tempoh yang sama, dana kasar yang diperolehi melalui SHS juga berkurangan sebanyak 2.4% kepada RM6,940 juta, berbanding dengan RM7,114 juta yang diperolehi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994. Dana ini digembeling melalui 24 terbitan bon konvensional (RM3,922 juta), 7 terbitan bon boleh-tukar (RM646 juta) dan satu terbitan kertas berasaskan prinsip Islam (RM800 juta). Selepas mengambilkira jumlah penebusan dan pembayaran sebanyak RM3,282 juta, jumlah dana bersih yang diperolehi melalui pasaran sekuriti hutang dalam tempoh tersebut berjumlah RM3,656 juta. Kenaikan jumlah dana bersih berterusan yang diperolehi dari sektor swasta mencerminkan peningkatan permintaan bagi pembiayaan langsung melalui pasaran modal untuk membiayai projek-projek besar kejuruteraan dan infrastruktur yang diwujudkan di mana tidak dapat dibiayai oleh sistem perbankan kerana syarat-syarat keperluan modal dan had pinjaman yang dikenakan ke atas pemberi pinjaman.

Sebagai perbadanan gadaijanji nasional, **Cagamas Berhad** terus memainkan peranan penting dalam industri pasaran modal tahun 1995. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, Cagamas membeli sebanyak RM2,970 juta pinjaman perumahan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 94.4% atau RM2,803 juta dibeli daripada institusi kewangan, manakala bakinya sebanyak 5.6% atau RM167 juta dibeli daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan. Bagi membiayai pembelian tersebut, Cagamas telah mengapungkan 9 terbitan bon/nota Cagamas

Jadual 9.13

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal

	1994 Januari-Ogos	1995 ^a Januari-Ogos
	RM juta	RM juta
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan ¹ , kasar	2,229	0
Tolak: Penebusan	3,549	850
Bersamaan: Terbitan bersih	-1,320	-850
Tolak: Pegangan Kerajaan	0	0
Bersamaan: Terimaan Bersih Persekutuan	-1,320	-850
Bon Simpanan Malaysia, bersih	-51	-26
Sijil Pelaburan, bersih	2,800	250
Dana bersih yang diperolehi	1,700	-625
Oleh Sektor Swasta		
Pasaran Ekuiti		
Saham ²	5,177	8,175
Terbitan Awam	1,667	3,589
Terbitan Hak	2,498	3,336
Terbitan Khas ³	638	323
Tawaran Persendirian ⁴	374	165
Waran	0	763
Sekuriti Hutang ⁵ (kasar)		
Bon Konvensional	2,726	3,922
Bon boleh tukar	688	646
Nota berasaskan prinsip Islam	300	800
Bon Cagamas	3,400	1,572
Tolak: Penebusan	755	3,282
Terbitan bersih sekuriti hutang	6,359	3,656
Dana bersih yang diperolehi	11,536	11,831
JUMLAH	13,236	11,206

^a Data awalan.

¹ Merujuk kepada sekuriti Kerajaan Persekutuan, tidak termasuk bil-bil Perbendaharaan.

² Merujuk kepada sekuriti korporat yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

³ Termasuk terbitan khas kepada pelabur Bumiputra dan pelabur terpilih.

⁴ Termasuk tawaran jualan.

⁵ Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

bernilai RM3,332 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, iaitu merosot sebanyak 37.1% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1994 (RM5,300 juta). Tempoh matang nota Cagamas adalah antara 3 hingga 9 bulan.

Selaras dengan pertumbuhan pesat pasaran modal, **Rating Agency Malaysia Berhad (RAM)** telah menyiapkan penarafan 56 hutang korporat bernilai RM8.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Sebanyak 57 penarafan hutang korporat bernilai RM7.5 bilion telah disiapkan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Semenjak penubuhannya sehingga akhir bulan Ogos 1995, RAM telah membuat sebanyak 234 penarafan korporat bernilai RM30.2 bilion, mencerminkan peningkatan minat terhadap SHS sebagai sumber alternatif bagi pembiayaan pelaburan di negara ini. Bagi terbitan yang dijamin oleh bank, RAM sehingga kini telah membuat 20 penarafan termasuk 7 bank perdagangan, 8 bank saudagar, 3 syarikat kewangan dan dua institusi pembiayaan pembangunan yang merupakan penjamin kepada berbagai terbitan SHS.

Pasaran SHS dan ekuiti hendaklah terus dimajukan supaya ianya dapat menyokong keperluan pembentukan modal sektor swasta dengan berkesan dan cekap. Dalam konteks ini, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah dalam bulan Jun 1995 bagi memperluas dan mendalamkan lagi pasaran kewangan. Langkah-langkah tersebut termasuklah cadangan penubuhan agensi penarafan kedua dan meluaskan penyertaan dalam pasaran SHS dengan membenarkan broker wang untuk mengambil bahagian serta memendekkan masa proses permohonan SHS daripada sembilan bulan kepada empat bulan sahaja. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan lagi pertumbuhan industri SHS yang cekap dan murah dalam membiayai pelaburan.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Sentimen pelaburan yang lemah dalam pasaran saham Malaysia pada tahun 1994 berterusan hingga awal tahun 1995. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memasuki tahun baru 1995 dengan prestasi muram di mana Indeks Komposit BSKL (IK BSKL) merosot kepada tahap baru yang terendah bagi 15 bulan yang lalu iaitu 836.9 mata pada 24 Januari 1995. Dalam bulan Februari dan Mac, IK BSKL turun naik antara 900 hingga 1,000

akibat ketiadaan insentif baru bagi menggalakkan penyertaan kedua-dua pelabur tempatan dan asing serta pelabur institusi. Ini mengakibatkan jumlah saham yang diperdagangkan dalam tempoh suku pertama tahun 1995 merosot kepada 8.5 bilion unit, manakala nilai saham merosot kepada RM43.6 bilion, berbanding dengan sebanyak 19.1 bilion unit saham bernilai RM104.9 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994.

IK BSKL turun naik hinggalah mencatat paras tertinggi yang baru pada 6 Jun 1995 setelah ditutup pada 1,091.25 mata berikutan dengan kemasukan dana pengurus asing ke dalam pasaran ekuiti mulai bulan Mei setelah kadar faedah di Amerika Syarikat mula meningkat. Namun begitu, sentimen pasaran yang memberangsangkan ini tidak dapat bertahan lama. Kebimbangan tentang peningkatan kadar faedah dalam negeri, kekurangan insentif baru dan prestasi kewangan separuh pertama yang tidak menggalakkan bagi syarikat-syarikat disenaraikan telah menjejaskan sentimen pasaran. Pada akhir urusaniaga sepanjang lapan bulan pertama tahun 1995, IK BSKL meningkat sebanyak 43.9 mata kepada 1,015.1 daripada 971.2 (akhir 1994) iaitu meningkat sebanyak 4.5%, sementara Indeks Emas yang menyeluruh mencatatkan pertambahan 2.4% kepada 290.5 mata dan Papan Kedua meningkat sebanyak 9.1% daripada paras akhir tahun 1994.

Prestasi keseluruhan BSKL yang lembab dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 mencerminkan sikap yang berhati-hati di kalangan kedua-dua pelabur tempatan dan asing berikutan prestasi lembab semenjak dari tahun 1994. Ini terutamanya disebabkan prestasi bursa saham luar negeri yang agak lembab dan tidak menentu berikutan dengan kebimbangan yang berterusan tentang kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat dan ketidakstabilan dolar AS di pasaran pertukaran asing akibat kenaikan nilai matawang Yen dan beberapa matawang utama lain. Faktor ini berserta krisis kewangan di Mexico pada pertengahan Disember 1994 dan kejatuhan Bank Barings pada bulan Februari 1995 telah melemahkan sentimen pelaburan di BSKL sepanjang lapan bulan pertama tahun 1995. Di samping itu, kenaikan nilai Yen berbanding dengan dolar AS dan ringgit, kebimbangan akan kenaikan kadar faedah dalam negeri dan anggapan bahawa ekonomi negara sedang mengalami pertumbuhan yang terlalu pesat telah mengakibatkan kelembapan prestasi BSKL dalam tempoh tersebut.

Pasaran Sekuriti Hutang Swasta

Pengenalan

Kemampuan sesebuah negara untuk menggerakkan tabungan bagi membiayai pembentukan modal akan menentukan tahap pembangunan ekonomi negara berkenaan. Sumber-sumber pelaburan di Malaysia, secara tradisi, diperolehi daripada sektor perbankan dan pengeluaran sekuriti Kerajaan serta terbitan ekuiti melalui pasaran modal. Namun begitu, semenjak kebelakangan ini pasaran sekuriti hutang swasta (SHS) telah memainkan peranan yang semakin penting dalam memenuhi berbagai keperluan para pelabur dan pengguna modal.

Sebenarnya SHS mengeluarkan instrumen-instrumen pasaran modal yang mempunyai jangka hayat dan tempoh matang tertentu, di mana jumlah pendapatan bagi pelabur-pelabur ditentukan terlebih awal. Kemunculan SHS sebagai sumber pembiayaan tambahan adalah berikutan dengan langkah untuk merasionalisasikan peranan kerajaan dalam ekonomi dan program penswastan yang bertujuan untuk menggalak dan membantu sektor swasta menjadi enjin pertumbuhan ekonomi. Kerajaan telah mengambil langkah untuk menubuhkan pasaran SHS memandangkan jumlah sumber yang amat besar yang diperlukan bagi membiayai pelaburan sektor swasta. Keperluan sumber ini tidak mungkin dapat disediakan dengan secukupnya oleh sistem perbankan dan pasaran ekuiti disebabkan masalah memenuhi keupayaan modal (capital adequacy requirements) dan halangan yang dihadapi oleh peminjam secara persendirian. Namun begitu, industri ini menghadapi beberapa isu utama memandangkan pasaran SHS di Malaysia masih lagi berada pada tahap awal pembangunan. Tujuan utama rencana ini ialah untuk menyusuri sejarah pembangunan SHS dan memaparkan perkembangan semasa serta mengenalpasti isu-isu utama berkaitan dengan pertumbuhan pasaran SHS secara berkesan.

Perkembangan Pasaran SHS

Langkah pertama ke arah pembentukan pasaran SHS ialah penubuhan sebuah perbadanan gadaijanji nasional iaitu Cagamas Berhad pada

tahun 1986. Cagamas menjalankan aktiviti membeli pinjaman perumahan daripada pemberi pinjaman asal dan kemudiannya pinjaman perumahan tersebut dipakej semula hingga menjadi bon berkadar tetap. Semenjak penubuhannya hingga akhir tahun 1994, Cagamas telah membeli sejumlah 327,147 pinjaman perumahan bernilai RM14.2 bilion. Dalam tahun 1994 sahaja, Cagamas telah menerbitkan sejumlah 14 bon berkadar tetap bernilai RM4.7 bilion yang mempunyai tempoh matang antara dua hingga tujuh tahun, 8 nota diskaun jangka pendek bernilai RM2.5 bilion dan satu terbitan permulaan bon Mudharabah bernilai RM30 juta. Berikutan kejayaan pelancaran bon Cagamas, beberapa perbadanan besar yang lain telah mengambil langkah mengeluarkan bon-bon samada berbentuk kadar terapung atau berkadar tetap. Bon-bon yang dikeluarkan telah meningkat daripada RM225 juta pada tahun 1987 kepada RM4,470 bilion pada tahun 1994.

Dalam tahun 1988, Bank Negara telah memperkenalkan garis panduan bagi menggalakkan badan korporat mendapatkan sumber kewangan melalui pasaran SHS dengan cara yang lebih teratur. Objektif garis panduan ini ialah untuk menjelaskan perundangan asas dan rangkakerja pentadbiran bagi pembiayaan melalui pengeluaran bon. Garis panduan tersebut menetapkan kriteria yang harus dipatuhi bagi terbitan SHS yang antara lain termasuklah menetapkan bahawa pengeluar perlu mempunyai jumlah modal minimum sebanyak RM25 juta, keterangan mengenai penggunaan pendapatan dan sumber pembayaran balik, saiz minimum setiap terbitan bernilai RM50 juta, keperluan dan syarat-syarat menaja-jamin dan nisbah hutang ekuiti pengeluar tidak melebihi 2:1. Namun begitu, kebanyakan daripada kriteria-kriteria tersebut telah pun dipinda. Antaranya termasuklah saiz minimum setiap terbitan dikurangkan kepada RM25 juta berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990. Keperluan kewangan asas dari segi jumlah modal dan 'gearing' telah juga dilonggarkan. Mulai Januari 1989, terbitan dan urusniaga bon korporat telah dikecualikan daripada cukai setem supaya ianya turut menguntungkan sebagaimana sekuriti Kerajaan.

Satu lagi perkembangan terpenting dalam pasaran SHS ialah penubuhan sebuah agensi penarafan iaitu Rating Agency Malaysia Berhad (RAM) pada bulan November 1990. RAM yang

merupakan sebuah syarikat awam berhad ditubuhkan bagi menarafkan semua terbitan bon dan kertas-kertas perdagangan dan menyebarkan maklumat pada masa yang bersesuaian kepada bakal-bakal pelabur bagi terbitan SHS utama dan sekunder. Penarafan ini bertujuan untuk melindungi orang ramai daripada penyelewengan atau penyalahgunaan pembiayaan bon kerana RAM menyediakan pendapat yang bebas dan pakar dalam menilai keutuhan kredit bagi sesuatu terbitan sekuriti hutang. Mulai 2 Mei 1992, penarafan kredit secara mandatori bagi setiap permohonan terbitan bon telah diperkenalkan oleh Bank Negara. Dalam Belanjawan 1992, pendapatan atas faedah yang diterima oleh individu daripada bon yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat awam yang disenaraikan telah dikecualikan daripada cukai bagi tujuan menggalakkan lagi pertumbuhan pasaran SHS. Semenjak Mac 1994, unit tabung amanah telah dibenarkan untuk melabur dalam terbitan SHS oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan atau syarikat yang masih menunggu proses penyenaraian di BSKL dan juga terbitan SHS yang bukan disenaraikan tetapi dijamin oleh Bank-bank. Syarikat-syarikat insurans juga dibenarkan untuk melabur dalam SHS yang tidak dijamin oleh bank sekiranya syarat minimum penarafan dipenuhi.

Berikutan dengan peningkatan bilangan permohonan bagi terbitan SHS, pengumuman mengenai penubuhan agensi penarafan kedua di Malaysia telah dibuat pada 22 Jun 1995 bagi tujuan mengurangkan tempoh masa memproses bagi permohonan-permohonan baru dari sembilan kepada empat bulan. Pertumbuhan pesat pasaran SHS semenjak kebelakangan ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memajukan pasaran ini dan juga daya tarikan SHS kepada peminjam dan pelabur.

Status Pasaran SHS Masakini

Pasaran SHS mengalami pertumbuhan pesat semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, dengan meningkat pada kadar purata 60.9% setahun bagi tempoh 1990-94 dengan jumlah sumber bernilai RM16.4 bilion. Pertumbuhan pasaran SHS yang menggalakkan telah dialami khususnya pada tahun 1994 di mana jumlah sumber meningkat sebanyak 149% disebabkan oleh pertambahan bilangan syarikat-syarikat yang memilih SHS bagi membiayai kegiatan pelaburan

Jadual 1

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Bon (RM juta)

	1990	1991	1992	1993	1994
Bon gadaian	400	0	2,115	1,650	4,780
Bon konvensional	1,242	740	1,634	3,119	3,785
Bon boleh-tukar	582	1,056	608	164	1,323
Bon berasaskan prinsip Islam	379	350	25	—	300
Jumlah (kasar)	2,603	2,146	4,382	4,933	10,168
Tolak: Penebusan	473	273	1,060	1,369	1,297
Dana Bersih yang Diperolehi	2,130	1,873	3,322	3,564	8,871

Sumber: The Central Bank.

mereka. Pelaksanaan beberapa projek gergasi infrastruktur dan pertambahan urusan sekuriti institusi-institusi kewangan telah juga mendorong pertumbuhan pasaran SHS. Di samping itu, jangkaan peningkatan regim kadar faedah juga telah mendorong badan-badan korporat mengambil langkah meminjam modal jangka panjang mereka pada kadar semasa yang lebih rendah. Faktor-faktor lain yang menggalakkan pertumbuhan pasaran SHS termasuklah daya tarikan pasaran SHS sebagai alternatif sumber pembiayaan dengan membolehkan pengurusan aset dan tanggungan yang fleksibel, mengurangkan risiko kepada peminjam atau pemberi pinjaman serta pertumbuhan ekonomi yang pesat dan tahap tabungan negara yang tinggi.

Bagi tempoh 1990-1994, sebanyak RM64,849 bilion dana telah diperolehi daripada pasaran modal. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM53,387 juta atau 82.3% diperolehi oleh sektor swasta. Ini menunjukkan meningkatnya keperluan sumber kewangan bagi sektor swasta yang mula memainkan peranan yang bertambah penting dalam ekonomi negara. Berikutan program penswastaan yang dijalankan oleh Kerajaan selaras dengan langkah untuk mengurangkan saiz sektor awam dan juga keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan belanjawan berimbang mulai tahun 1993, jumlah dana yang diperolehi oleh sektor awam telah berkurangan

kepada 9.5% daripada jumlah keseluruhan dana pada tahun 1994 berbanding dengan sebanyak 26.1% pada tahun 1990. Jumlah dana diperolehi oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti juga telah merosot daripada 59.3% jumlah keseluruhan dana pada tahun 1990 kepada 43.4% pada tahun 1994. Namun begitu, jumlah dana yang diperolehi melalui pasaran bon korporat telah meningkat daripada 14.6% kepada 47.2% dalam tempoh perbandingan yang sama.

Sebahagian besar dana yang diperolehi dari pasaran SHS dalam tempoh 1990-94 adalah menerusi bon konvensional (43.4%) dan bon Cagamas (36.8%). Dana yang diperolehi melalui bon boleh-tukar dan bon yang berasaskan prinsip Islam hanya merangkumi sebahagian kecil (19.8%) sahaja. Daripada jumlah terbitan sepanjang tempoh 1990-94, sebanyak RM10,521 juta adalah dalam bentuk bon konvensional jangka sederhana dan jangka panjang, di mana saiz setiap terbitan bernilai antara RM3 juta hingga RM1,500 juta. Jumlah nota janji dan kertas perdagangan bernilai RM6,389 juta telah dikeluarkan dalam tempoh tersebut. Manakala jumlah sekuriti berasaskan prinsip Islam iaitu daripada Al-Bai-Bithaman Aji (bayaran tertangguh) dan Al-Mudharabah (penyertaan bersama) yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut bernilai sebanyak RM1,054 juta. Tempoh matang sekuriti tersebut adalah antara 2 hingga 10 tahun dengan kadar kupon antara 1% hingga 12%. Institusi-institusi kewangan merupakan kumpulan terbesar yang memperolehi bon diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Daripada jumlah keseluruhan dana yang diperolehi dalam tempoh 1991-94, jumlah 'hutang' merangkumi 2.7% manakala 92.7% atau RM821,656 juta diperolehi daripada sistem perbankan dan 3.8% atau RM33,627 juta digembeling melalui pasaran ekuiti. Pengeluar-pengeluar hutang korporat merangkumi pelbagai sektor termasuk perkilangan, pembinaan, hartanah, perkhidmatan kewangan, perdagangan dan kemudahan awam.

Pasaran SHS mempunyai potensi pembiayaan pada kadar faedah tetap dan tempoh matang yang lebih lama, dan sesuai bagi projek-projek besar yang mempunyai tempoh matang modal jangka panjang yang pernah dibiayai dibuat melalui pinjaman bersindiket daripada institusi-institusi kewangan pada tahun 1980an. Oleh itu, pasaran SHS telah menyediakan sumber pembiayaan kepada projek-projek jangka panjang tersebut termasuk beberapa projek yang diswastakan seperti pelabuhan, jalan raya, penajaan tenaga dan kemudahan perhubungan. Baru-baru ini pula

bon sejumlah RM2.76 bilion telah diterbitkan oleh pengeluar tenaga persendirian.

Dari segi jenis-jenis bon utama yang dikeluarkan, bon yang dikaitkan dengan ekuiti adalah lebih diminati berbanding dengan 'hutang langsung'. Daripada jumlah bon yang diterbitkan, sebanyak 122 (tidak termasuk terbitan Cagamas dan yang berasaskan prinsip Islam) bagi tempoh 1991-1994, sebanyak 49 bon (40.1%) merupakan terbitan hak langganan boleh-tukar atau waran dan hanya 40 bon (32.8%) merupakan hutang langsung. Bakinya sebanyak 27.1% terdiri dari terbitan stok boleh-tukar. Terbitan bon langsung dijangka merupakan terbitan utama bon korporat memandangkan jumlah modal yang besar diperlukan bagi membiayai projek raksasa infrastruktur dan juga pelaksanaan program penswastan. Ini disebabkan oleh kesukaran bagi sistem perbankan dan pasaran ekuiti untuk memenuhi permintaan yang amat besar sedangkan pada masa yang sama mereka pula menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan kecukupan modal, had jumlah pinjaman yang dikenakan atas peminjam dan syarat-syarat penyenaian. Sekuriti hutang berasaskan prinsip Islam juga mempunyai potensi yang baik kerana instrumen ini menyediakan pulangan faedah melalui kenaikan harga sekuriti secara perolehan dalam jangka panjang berbanding dengan pulangan faedah yang tinggi dalam jangka pendek.

Satu lagi ciri pasaran bon ialah dari segi jumlah tawaran persendirian yang melebihi jumlah terbitan awam. Sungguhpun terbitan awam meningkat daripada 12 pada tahun 1990 kepada 33 pada tahun 1994, terbitan tawaran persendirian telah meningkat dari 13 kepada 30 untuk dijual kepada pelabur-pelabur di bawah seksyen 38(1B)(C) Akta Syarikat. Antara lain, arah aliran ini adalah bertujuan memenuhi keperluan untuk mengeluarkan prospektus jika bon tersebut dijual kepada lebih 10 pelabur tetap. Di samping urusan biasa bagi kebanyakan terbitan, sebanyak 27% terbitan bon adalah dijamin oleh bank pada tahun 1994 berbanding dengan 10% pada tahun 1990 disebabkan pengeluar bon mengambil langkah untuk meningkatkan penarafan kredit walaupun tahap pelaburan mereka sedia diterima dalam kebanyakan keadaan.

Isu-isu Pembangunan Semasa

Langkah-langkah sedang dilaksanakan bagi menggalak dan memajukan pertumbuhan pasaran SHS. Mereka yang terlibat dalam SHS dan pihak

berkuasa sentiasa mengkaji perkembangan dan pertumbuhan pasaran dengan tujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dengan cara yang lebih teratur. Memandangkan pasaran SHS masih belum lagi matang secukupnya dan mencapai tahap yang boleh dianggap sebagai canggih, beberapa langkah sedang diambil bagi meningkatkan kecekapan, memperdalam dan meluaskan pasaran SHS. Isu-isu tersebut adalah berkait dengan pengwujudan sekuriti 'benchmark', pengluasan asas pengeluar dan pelabur, memperbaiki peluang untuk membeli terbitan SHS, tahap pelaburan minimum wajib, mengurangkan kos urusniaga, memendekkan proses terbitan dan memajukan lagi sistem pembayaran dan penjelasan. Terpenting ialah mewujudkan persekitaran yang sesuai ke arah menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam pasaran SHS yang sekaligus meningkatkan kecairannya.

Satu faktor utama yang menghalang pertumbuhan pasaran bon di Malaysia ialah kekurangan rujukan asas dari segi pulangan pelaburan (benchmark yield). 'Benchmark' merujuk kepada bon yang amat 'cair', mempunyai pelabur yang meluas dan diterbitkan oleh pengeluar yang mempunyai tahap penarafan kredit yang tinggi yang boleh dijadikan sebagai 'benchmark' bagi menentukan harga bon-bon lain. 'Benchmark' di kebanyakan pasaran bon adalah terdiri daripada bon-bon yang diterbitkan oleh Kerajaan. Tebitan bon-bon Kerajaan, iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) telah berkurangan berikutan dengan polisi penswastaan Kerajaan serta lebihan belanjawan yang dicatatkan semenjak kebelakangan ini. Oleh itu, bon-bon Kerajaan tidak memainkan peranan sebagai 'benchmark' bagi menetapkan harga bon jangka sederhana dan jangka panjang. Tambahan pula, keadaan semulajadi pasaran sekuriti Kerajaan Malaysia yang terhad (captive) menggugat penentuan harga/hasil bon kerana pelbagai peringkat pelabur, iaitu institusi-institusi kewangan berlesen, syarikat insurans, kumpulan wang simpanan dan keselamatan sosial serta Bank Simpanan Nasional diwajibkan memegang sejumlah MGS samada melalui keperluan berkanun atau arahan pentadbiran. Langkah untuk mengenalpasti 'benchmark' alternatif bagi memudahkan penetapan harga bon adalah perlu, memandangkan harga bon-bon korporat ditentukan mengikut tanggungan hutang negara. Salah satu alternatif ialah dengan menjadikan bon-bon yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat besar yang terlibat dalam penyediaan kemudahan awam seperti Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad atau bon-bon Cagamas sebagai 'benchmark'.

Menggalakkan penyertaan yang lebih meluas bagi pelabur-pelabur dan pengeluar bon adalah merupakan satu langkah ke arah meningkatkan lagi tahap kecairan pasaran ini. Masih ada ruang untuk menambahkan penyertaan pelabur-pelabur institusi seperti tabung pencen dan mutual serta institusi-institusi kewangan. Langkah-langkah yang dicadangkan oleh industri bagi meluaskan asas pelabur ialah dengan membenarkan penukaran MGS kepada bon-bon korporat yang bergred tinggi bagi memenuhi tanggungan berkanun pelabur-pelabur institusi. Langkah yang diambil baru-baru ini untuk membenarkan pencarum-pencarum KWSP membuat pengeluaran daripada akaun persaraan mereka untuk tujuan melabur dalam 'tabung pengurusan' dan langkah memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat besar untuk menguruskan kumpulan simpanan mereka sendiri adalah merupakan peluang yang sungguh baik bagi meluaskan penyertaan pelabur dalam pasaran. Salah satu langkah untuk memperluaskan asas pelabur yang sedang dipertimbangkan termasuklah persetujuan untuk membenarkan individu dan korporat-korporat yang bergred tinggi untuk melabur terus dalam pasaran SHS melalui pembelian persendirian. Sebaliknya, asas pengeluar bon dapat diperkukuhkan lagi dengan cara meningkatkan kemahiran dalam teknik pengurusan bon dan memaklumkan kepada pasaran mengenai pelbagai teknik yang boleh diambil oleh pengeluar.

Bagi meningkatkan pelaburan dalam SHS, kemudahan terhadap terbitan bon-bon utama hendaklah diperbaiki kerana 'ikat-janji belian' dan terbitan persendirian akan menyebabkan pasaran sekunder menjadi tidak mudah tunai. Ini disebabkan terbitan adalah tertumpu kepada pelabur-pelabur institusi dimana mereka akan memegang bon yang mempunyai pulangan yang tinggi hingga menghadkan kemudahan penyertaan orang ramai untuk membuat pelaburan dalam bentuk bon. Peraturan yang menetapkan supaya prospektus dikeluarkan bagi terbitan awam telah menyebabkan penyertaan dalam pasaran utama menjadi lebih terhad. Masalah ini juga timbul kerana margin yang menggalakkan yang akan diperolehi oleh intermediasi dalam pasaran yang mana permintaan melebihi penawaran. Beberapa langkah bagi memperbaiki kemudahan penyertaan kepada terbitan utama ialah dengan mentakrifkan semula terbitan swasta bagi pasaran SHS yang mana melibatkan 10 pelabur dan membenarkan penggunaan prospektus yang ringkas bagi menggalakkan penyertaan lebih meluas dan sekaligus menambahkan tahap kecairan.

Salah satu faktor yang dikatakan boleh menjejaskan pertumbuhan pasaran SHS ialah gred pelaburan mandatori yang terdapat dalam garis panduan SHS yang bertujuan untuk melindungi pelabur-pelabur bon. Sungguhpun peraturan ini boleh meningkatkan keyakinan terhadap pasaran SHS, namun ianya hanya menguntungkan syarikat yang mempunyai risiko rendah dan tidak menyediakan kemudahan penyertaan dalam pasaran, syarikat-syarikat yang mempunyai risiko tinggi dan tidak membenarkan penglibatan pelabur yang mempunyai pelbagai risiko. Tambahan pula, kualiti kredit sesebuah syarikat akan berubah mengikut masa dan kuasa-kuasa pasaran yang boleh beroperasi secara penuh dalam pasaran SHS akan memperbaiki kegiatan pembiayaan pelaburan bagi semua sektor. Terdapat cadangan bahawa dengan melonggarkan keperluan gred pelaburan minimum oleh RAM sekurang-kurangnya BBB (bagi bon yang tempoh matang asalnya melebihi satu tahun) atau P3 bagi kertas jangka pendek (kurang dari setahun) akan membolehkan pasaran SHS menjadi lebih matang dan berkembang selaras dengan kuasa-kuasa pasaran.

Isu lain yang berkait dengan masalah kecairan ialah kos urusan yang agak tinggi di Malaysia, dari segi kos proses terbitan dan juga urusan. Pengeluar terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi dari segi fi perundangan dan kewangan, fi menaja-jamin, permohonan, penarafan dan fi fi lain sebelum pelancaran sesuatu terbitan. Kos ini menyebabkan terbitan bon tidak menguntungkan apabila jumlah margin yang akan diterima di bandingkan dengan jumlah kos bagi kegiatan yang serupa di luar Malaysia. Penggunaan bank-bank sebagai penjamin dengan meluas juga telah meningkatkan kos pinjaman. Langkah menghadkan penggunaan bank sebagai penjamin hanya bagi terbitan SHS oleh syarikat-syarikat yang mempunyai penarafan yang rendah daripada tahap maksimum akan dapat membantu mengurangkan kos. Kos transaksi bagi jual-beli juga adalah tinggi berbanding dengan negara-negara jiran. Langkah mengurangkan kos terbitan dan jual-beli boleh mendatangkan manfaat kepada mudah-tunai pasaran SHS. Ia juga boleh mengurangkan perbadanan korporat tempatan yang ingin mendapatkan bon dari pasaran luar pesisir. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat beberapa perbadanan Malaysia seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia, United Engineers, Petronas, Malayan Banking dan Aokam Perdana yang memperolehi dana daripada pasaran bon luar pesisir. Keputusan samada untuk mendapatkan sumber pembiayaan dari pasaran

luar pesisir atau pasaran tempatan adalah ditentukan sebahagian besarnya oleh kos pinjaman. Faktor-faktor yang mempengaruhi kos pinjaman ialah arah aliran kadar faedah dan pertukaran antarabangsa serta masa dan kos yang diperlukan bagi mengadakan promosi pasaran di luar negeri. Dari sudut makroekonomi, pergantungan yang berlebihan terhadap pasaran luar pesisir sebagai sumber pembiayaan merupakan satu pilihan yang tidak wajar kerana ketidakpastian sumber pembiayaan tersebut serta kesan-kesan yang mungkin timbul terhadap agregat kewangan dalam negeri, kadar pertukaran dan kedudukan tanggungan negara dalam jangka panjang. Kecekapan pasaran SHS dalam negeri hendaklah dipertingkatkan lagi bagi mengurangkan pergantungan terhadap pasaran luar pesisir dan sekaligus menggalakkan badan-badan korporat mendapatkan pembiayaan kewangan daripada dalam negeri.

Langkah-langkah bagi memudah dan mempertingkatkan proses terbitan bon juga akan membawa kesan positif ke atas mudah tunai pasaran SHS kerana sebarang kelewatan dalam proses memberi kelulusan akan mendedahkan pengeluaran bon dan penaja-jamin kepada perubahan kadar faedah yang boleh mengakibatkan cadangan terbitan SHS dibatalkan. Cadangan penubuhan pasaran derivatif dan kadar faedah boleh menolong mengatasi risiko pergerakan kadar faedah dan sekaligus membantu meningkatkan mudah tunai. Penubuhan agensi penarafan kedua yang diumumkan baru-baru ini adalah bertujuan untuk mengurangkan masa yang diambil dalam pemerosesan permohonan. Namun begitu, sebarang terbitan SHS masih lagi bergantung kepada kelulusan daripada beberapa agensi iaitu Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Pendaftar Pertubuhan, BSKL dan juga pemegang saham, jika terbitan tersebut berkaitan dengan ekuiti. Sungguhpun proses memberi kelulusan oleh beberapa agensi adalah perlu bagi memastikan pertumbuhan pasaran SHS yang teratur, terdapat juga cadangan bagi mengkaji semula dan melonggarkan garis panduan SHS, mempermudah dan menyelaraskan peraturan serta mengkaji aspek-aspek perundangan sesuatu terbitan bagi meningkatkan kecekapan pasaran SHS.

Memajukan infrastruktur pasaran SHS terutamanya berhubung dengan sistem pembayaran dan penjelasan serta pengumpulan maklumat mengenai SHS dan data agregat makroekonomi dijangka dapat membantu

pertumbuhan pasaran SHS. Penubuhan satu sistem maklumat mengenai SHS yang senang diperolehi oleh orang ramai adalah merupakan antara langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan bagi mendidik masyarakat Malaysia mengenai sekuriti hutang dan menyediakan maklumat mengenai harga dan urusniaga kepada pelabur-pelabur dan pengeluar bon. Di samping itu, pembentukan sesebuah Persatuan Wakil Penjual Bon adalah berfaedah kepada industri kerana standard-standard mengenai prosedur, fi, dokumen dan sistem maklumat akan dapat diselaraskan dan diterima pakai.

Penutup

Pembangunan masa hadapan pasaran bon korporat akan terus menjadi perkara terpenting kepada keseluruhan agenda untuk membangunkan pasaran modal. Perubahan peranan daripada sektor awam kepada sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dan dana yang besar yang diperlukan oleh sektor swasta dalam

menggerakkan pertumbuhan ekonomi sudah pasti memerlukan langkah-langkah berterusan ke arah memajukan pasaran SHS supaya industri tersebut menjadi lebih cekap dan mudah tunai. Ia juga bertujuan untuk menjamin peranan pasaran SHS, untuk membantu pasaran ekuiti dan sistem perbankan, dalam menggembelinkan tabungan bagi memenuhi permintaan kedua-dua pengguna dan pengeluar sumber dana.


Masa hadapan pasaran SHS terus cerah memandangkan komitmen Kerajaan yang jitu bagi memajukan pasaran bon. Namun begitu, banyak lagi perlu dilakukan oleh agensi-agensi pengawalan dan pihak swasta sama ada melalui langkah bersendirian atau dalam bentuk pakej bagi mengatasi masalah-masalah kritikal supaya pembangunan industri tersebut lebih terjamin. Dengan adanya infrastruktur pasaran yang maju dan keupayaan pengurusan dalam menaja-jamin terbitan bon, pasaran SHS boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam menggembelinkan tabungan bagi pembentukan modal.

Berikutan dengan sentimen pasaran yang lembab, pergerakan indeks-indeks BSKL mengikut sektor menunjukkan prestasi yang berbeza-beza sepanjang tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Indeks perusahaan yang merosot sebanyak 15.5% pada tahun 1994, kembali pulih dengan mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 7.9% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Sektor-sektor lain yang mencatatkan pertumbuhan positif ialah kewangan, keluaran pengguna, pembinaan dan perdagangan serta sektor perkhidmatan. Sebaliknya, sektor perlombongan, harta tanah, perladangan dan keluaran perusahaan mencatatkan pertumbuhan negatif dalam tempoh tersebut. Indeks Papan Kedua juga mencatatkan kenaikan sebanyak 9.1% kepada 284.4 pada akhir Ogos 1995, daripada 260.7 mata pada akhir tahun 1994. Namun begitu, jumlah dana modal BSKL meningkat secara sederhana pada kadar 9% kepada RM554 bilion pada akhir bulan Ogos 1995, daripada RM508.8 bilion pada akhir tahun 1994. Berikutan dengan sentimen yang lembab, jumlah pusing ganti merosot

sebanyak 60.1% kepada 24 bilion unit dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 74.2% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Begitu juga dari segi nilai, ianya 60.7% lebih rendah iaitu berjumlah RM128.8 bilion (Januari-Ogos 1994: RM 209.5 bilion). Ini mengakibatkan kecairan pasaran yang diukur oleh jumlah nilai pusing ganti berbanding jumlah dana pasaran merosot kepada 23.2% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan 37% dalam tempoh yang sama tahun 1994.


Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 sebanyak 29 syarikat dengan jumlah modal sebanyak RM1.4 bilion telah disenaraikan di BSKL (Januari-Ogos 1994: 66 syarikat, RM 3.1 bilion). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9 syarikat disenaraikan di Papan Utama dan sebanyak 20 lagi di Papan Kedua. Petronas Gas Sdn. Bhd. hanya satu-satunya syarikat awam yang diiswastakan telah disenaraikan di BSKL dalam

Carta 9.3
Bursa Saham



1/ Indeks penutup bulanan

2/ Skel kanan



1/ Merujuk kepada Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

tempoh tersebut. Ini menjadikan jumlah syarikat yang disenaraikan di BSKL sehingga akhir bulan Ogos 1995 sebanyak 510 (akhir Ogos 1994: 439).

Beberapa langkah pengawalan dan pentadbiran telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 dengan tujuan untuk mengangkat pasaran saham Malaysia sebagai pasaran saham bertaraf dunia. Langkah-langkah yang diumumkan dalam bulan Jun 1995 termasuklah:

- (i) Memperkenalkan sistem komisyen yang berperingkat berkuatkuasa mulai 1 Julai 1995 dengan tujuan untuk mengurangkan kos transaksi. Kadar baru yang diumumkan ialah komisyen sebanyak satu peratus ke atas transaksi pertama yang bernilai RM500,000, 0.75% bagi transaksi bernilai antara RM500,001 hingga RM2 juta dan 0.5% bagi transaksi yang melebihi RM 2 juta. Pada masa yang sama, urusniaga daripada syarikat-syarikat broker asing dikenakan caj 0.40% bagi transaksi di bawah RM2 juta dan 0.35% bagi transaksi melebihi RM2 juta. Sebelum ini, firma-firma broker tempatan dan asing berkongsi komisyen sebanyak satu peratus pada kadar 50:50;
- (ii) Mengurangkan bayaran duti setem daripada kadar sebelum ini sebanyak 0.15% (RM1.50 bagi setiap nilai kontrak bernilai RM1,000) kepada hanya 0.10% (RM1 bagi setiap nilai kontrak bernilai RM1,000) berkuatkuasa mulai 1 Julai 1995. Namun begitu, bagi menyelaraskan bayaran duti setem, urusniaga oleh syarikat broker asing, yang sebelum ini tidak dikenakan duti setem, telah dikenakan duti setem sebanyak 0.10% tetapi dengan menetapkan paras maximum RM200 bagi setiap nilai kontrak;
- (iii) Membenarkan KWSP melabur dalam pasaran saham hingga sebanyak 15% daripada jumlah dana yang dimiliki;
- (iv) Membenarkan bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan memberikan sehingga 15% daripada jumlah pinjaman bagi permohonan yang sijil saham sebagai jaminan;

Jadual 9.14

**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Utama**

	1994	1995 Ogos
Indeks Harga¹		
Komposit	971.21	1,015.07
Emas	283.67	290.54
Papan Kedua	260.71	284.44
Perindustrian	1,715.13	1,851.36
Kewangan	6,805.72	7,850.40
Hartanah	2,559.99	2,447.98
Perladangan	2,758.11	2,596.36
Perlombongan	556.12	457.00
Nisbah Harga Perolehan ¹	28.49	26.17
Nilai pasaran ¹ (RM bilion)	608.8	554.4
Bilangan Syarikat yang disenaraikan ¹	478	510
Urusniaga²		
Jumlah (juta unit)	60,143	23,973
Nilai (RM juta)	328,057	128,793

¹ Pada akhir tempoh.

² Bagi tempoh Januari-Ogos sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

pemohonan penyenaraian dan cadangan penyusunan semula korporat, dua bulan bagi permohonan terbitan hak dan satu bulan bagi permohonan terbitan bonus;

- (vii) Mempercepatkan pelaksanaan Sistem Deposit Pusat (SDP) yang sepatutnya disiapkan pada akhir tahun 1996; dan
- (viii) Mempercepatkan proses memberi kelulusan lesen kepada wakil-wakil peniaga.

Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti telah memperkenalkan syarat-syarat tambahan bagi penyenaraian syarikat-syarikat broker saham di BSKL. Syarat-syarat tambahan tersebut ialah jumlah modal firma-firma broker saham hendaklah sekurang-kurangnya RM100 juta, syarikat hendaklah mampu mengekalkan pendapatan tertangguh pada jumlah yang cukup bagi memberikan kadar dividen yang tidak kurang dari 15% berasaskan modal yang ditambah, kadar pulangan selepas cukai kepada pemilik saham syarikat sepanjang lima tahun yang lalu hendaklah sekurang-kurangnya 15% setahun dan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah saham yang ditawarkan kepada orang ramai dibuat melalui terbitan awam saham-saham baru. Syarat-syarat lain ialah syarikat tersebut mestilah mempunyai etika perniagaan yang tinggi, kemampuan yang tinggi dalam kerja-kerja penyelidikan dan mempunyai sistem perakaunan yang terbaik. Di samping itu, penaja dan pemilik-pemilik saham syarikat tidak dibenarkan untuk menjual, memberi atau memindahkan saham-saham mereka tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kementerian Kewangan.

- (v) Memberi pengecualian syarat penyenaraian yang menghendaki syarikat-syarikat yang terbabit dengan projek-projek infrastruktur mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman sebelum disenaraikan; pelaburan lain boleh membuat permohonan untuk disenaraikan di BSKL dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;

- (vi) Mempercepatkan proses permohonan penyenaraian; Suruhanjaya Sekuriti dikehendaki mengambil masa maksimum sehingga empat bulan bagi memproses

Pelaksanaan urusniaga tanpa skrip di bawah Sistem Deposit Pusat (SDP) terus digiatkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Pada akhir Ogos 1995, sebanyak 176 syarikat telah dimasukkan ke dalam SDP melibatkan sejumlah 2,817.6 juta unit saham. Sebanyak 188,209 akaun baru SDP dibuka dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Sehingga akhir Ogos tahun 1995, sebanyak 624,151 akaun telah dibuka dibawah SDP (akhir Ogos 1994: 352,201). Jumlah peserta SDP meningkat kepada 84 pada akhir Ogos 1995 iaitu sebanyak 59 merupakan Wakil Pendeposit Bertauliah manakala sebanyak 25 pula merupakan Ahli Pendeposit Bertauliah. BSKL telah juga mengambil langkah untuk membolehkan SDP

dilaksanakan sepenuhnya menjelang akhir Disember 1996. Bagi mencapai matlamat tersebut, purata sebanyak 20 buah syarikat perlu ditempatkan di bawah SDP bagi setiap bulan. Pada masa yang sama, komponen saham IK BSKL telah ditambah daripada 86 kaunter kepada 100 kaunter bagi mencerminkan prestasi pasaran dengan lebih berkesan.

Di samping itu, BSKL telah memperkenalkan urusniaga dalam lot yang lebih kecil iaitu sebanyak 200 unit mulai 1 September 1995 dengan tujuan supaya saham-saham yang berharga tinggi mampu dibeli oleh lebih ramai pelabur. Sebelum ini, urusniaga saham dilakukan dalam setiap lot yang mempunyai 1,000 unit saham. Kriteria tambahan bagi syarikat-syarikat yang mana saham mereka ingin diniagakan secara 200 unit setiap lot ialah harga penutup saham tersebut hendaklah tidak kurang daripada RM15 dalam tempoh enam bulan sebelum diurusniagakan dan kaunter saham tersebut dilakukan mengikut SDP. Empat kaunter pertama yang mendapat status lot-kecil ialah Kramat Tin Dredging Bhd, Kuchai Development Bhd, Matsushita Electric Company (Malaysia) Bhd dan Mentakab Rubber Company (Malaya) Bhd.

Satu lagi perkembangan penting dalam industri sekuriti Malaysia ialah penyenaraian 'waran panggilan' pada bulan Jun 1995. Waran ialah kontrak yang boleh dipindahmilik yang akan memberikan pemilik berkenaan hak, tetapi bukan tanggungan, untuk membeli, sejumlah saham daripada pengeluar waran (pemilik saham syarikat atau pihak ketiga) pada harga yang tertentu dan bagi tempoh masa yang tertentu. 'Waran panggilan' pertama yang disenaraikan di BSKL ialah Malayan Banking Berhad yang diterbitkan oleh Commerce International Merchant Bankers pada 7 Jun 1995. Penyenaraian 'waran panggilan' merupakan satu lagi petanda kepada peningkatan kematangan industri sekuriti Malaysia.

Selepas mencatatkan pertumbuhan pesat pada tahun 1994, **industri unit amanah** menyaksikan tempoh pertumbuhan yang kukuh pada awal tahun 1995. Walaupun prestasi industri pasaran saham agak lembab, nilai harta keseluruhan unit amanah meningkat daripada RM35.7 bilion pada akhir tahun 1994 kepada RM43.1 bilion pada akhir Jun 1995. Pada akhir Jun 1995, jumlah keseluruhan nilai harta unit amanah merangkumi sebanyak 7.9%

daripada jumlah modal BSKL. Sungguhpun Amanah Saham Bumiputra dan Amanah Saham Nasional masih menguasai industri unit amanah negara, namun peratusan dari sektor swasta dan tabung amanah Kerajaan atau Kerajaan Negeri telah meningkat dari 18% daripada jumlah harta pada tahun 1994 kepada 20% pada akhir bulan Jun 1995. Sebanyak enam lagi unit amanah dilancarkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 melibatkan jumlah dana sebanyak 2.4 bilion unit saham (Januari-Ogos 1994: 5 unit amanah, 1.3 bilion unit saham). Pada masa yang sama, kelulusan telah diberikan kepada sepuluh unit amanah yang sedia ada untuk menambahkan saiz dana mereka sebanyak 1.8 bilion unit sebagai tambahan kepada 2.7 bilion unit saham asal. Antara dana baru yang dilancarkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 ialah Amanah Saham Kedah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan Permodalan BSN Berhad yang ditubuhkan oleh BSN. Pada masa sekarang, Kerajaan juga sedang memper-timbangkan penubuhan sebuah lagi unit amanah terbesar iaitu Tabung Wawasan 2020 yang akan dibuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

Beberapa langkah pengawasan dan perundangan mengenai industri pengurusan dana telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 yang bertujuan untuk memajukan pertumbuhan industri berkenaan selaras dengan pertumbuhan pesat pasaran modal di Malaysia. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (i) Membenarkan pemilikan ekuiti 100% kepada syarikat-syarikat asing yang sanggup menguruskan kegiatan-kegiatan 'bukan-Malaysia' di Malaysia; namun begitu ekuiti asing berkenaan akan dikurangkan kepada 70% jika syarikat tersebut memperoleh sumber modal tempatan;
- (ii) Mengenakan cukai hanya sebanyak 10% sahaja ke atas pendapatan yang diterima ke atas semua kegiatan diluar Malaysia yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat pengurusan dana;
- (iii) Membenarkan pencarum-pencarum KWSP membuat pengeluaran sehingga maksimum 20% daripada baki melebihi RM50,000 daripada akaun persaraan mereka untuk melabur dalam unit amanah yang diluluskan; dan

- (iv) Membenarkan pakar-pakar asing diambil untuk bekerja dalam industri pasaran modal tempatan dengan cara melonggarkan lagi syarat-syarat pengeluaran permit kerja.

Pembentukan modal yang pesat berserta program penswastaan Kerajaan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperluaskan dan memperdalamkan pasaran saham telah membolehkan pasaran modal Malaysia menjadi pasaran terbesar di ASEAN, ketiga terbesar di Asia-Pasifik dan keempat belas terbesar di dunia dari segi dana modal.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995, kontrak hadapan minyak kelapa sawit mentah (MKSM) kekal sebagai kontrak teraktif didagangkan

di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL). Hampir tiada dagangan dicatatkan bagi kontrak-kontrak yang lain iaitu minyak kelapa sawit isirong mentah (CPKO), koko dan timah, akibat kekurangan kecairan. Pasaran hadapan kontrak MKSM walau bagaimanapun terus meningkat didagangkan.

Dagangan dalam kontrak hadapan MKSM dalam tempoh sembilan bulan pertama 1995 merosot sebanyak 4% kepada 410,052 lot (25 ton setiap lot) berbanding tempoh yang sama tahun 1994.

Dalam tempoh yang sama, secara purata urusan harian jatuh kepada 2,265 lot atau 56,625 tan dalam tahun 1995 berbanding dengan 2,299 lot atau 57,475 tan dicapai pada tahun 1994. Kedudukan yang terbuka walau bagaimanapun meningkat sebanyak 1.2 kali kepada 10,034 kontrak pada akhir tempoh yang sama (8,810 kontrak pada tahun 1994).

Jadual 9.15

BKKL: Jumlah Urusniaga (Januari-September)

Kontrak hadapan ¹	Jumlah Dagangan				
	1994		1995		% perubahan
	Lot	Tan metrik	Lot	Tan metrik	
Minyak kelapa sawit (CPO)	425,332	10,633,300	410,052	10,251,300	-4%
Minyak kelapa sawit isirong mentah (CPKO)	208	5200	—	—	—
Koko	—	—	—	—	—
Timah	—	—	—	—	—

¹ Setiap lot kontrak pasaran hadapan CPO mengandungi 25 tan, kontrak pasaran hadapan CPKO mengandungi 15 tan metrik, koko mengandungi 10 tan metrik.

Aktiviti urusan kontrak MKSM turun naik daripada bulan ke bulan. Pada bulan Januari, urusan bergerak aktif dengan sejumlah 46,187 lot diperdagangkan dan purata dagangan harian sebanyak 2,431 lot. Harga purata bagi spot bulan Januari ialah RM1,587 setiap tan kesan daripada permintaan yang besar bagi minyak kelapa sawit yang diproses dari Pakistan, China, Kesatuan Eropah, Mesir, Turki dan Jepun. Harga purata fizikal untuk bulan Januari pula ialah RM1,538 setiap tan. Urusniaga bagi bulan Februari jatuh kepada 37,131 lot iaitu pengurangan sebanyak 9,056 tan, disebabkan sifat berhati-hati pedagang kerana terdapat beberapa hari kelepasan umum dalam bulan Februari. Harga purata untuk spot bulan Februari ialah RM1,586 setiap tan manakala harga purata bagi pasaran tunai ialah RM1,616 setan. Untuk bulan Mac, urusan meningkat kepada 45,917 lot kesan kekukuhan permintaan minyak kelapa sawit diproses dari China, pengimport terbesar minyak sawit bagi bulan berkenaan. Harga purata untuk spot bulan Mac adalah sebanyak RM1,694 setan manakala harga purata fizikal ialah RM1,700 setan. Urusniaga untuk bulan April, Mei, Jun dan Julai adalah sebanyak 53,191 lot, 48,392 lot, 50,295 lot dan 53,352 lot masing-masing. Harga purata tunai dan pasaran hadapan jatuh sehingga harga tunai mencatat RM1,456.80 setan bagi bulan Julai dan harga purata pasaran hadapan untuk bulan Julai ialah RM1,420 setan. Urusniaga bagi bulan Ogos pula

menurun kepada 341,151 setan kerana para pedagang menunggu tanda petunjuk baru pasaran. Urusniaga bulan September meningkat kepada 40,212 lot akibat berita ramalan peningkatan pengeluaran kepada 800,000 tan dijangka bagi bulan September oleh peramal swasta.

Kesan daripada kekukuhan harga MKSM dalam pasaran fizikal, harga purata bulanan pasaran hadapan bagi MKSM di BKKL meningkat kepada RM1,484.50 setan pada sembilan bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan RM1,165.10 setan dalam tempoh yang sama tahun 1994. Kenaikan paling tinggi dicatatkan sebanyak RM1,653 setan pada 16 Mac 1995, sedangkan penurunan paling rendah sebanyak RM1,190 setan pada 17 Mei 1995 iaitu bulan hadapan kedua. Peningkatan harga disebabkan oleh kekukuhan permintaan bagi minyak sawit yang diproses dari negara China, Pakistan, India, Eropah Timur dan Jepun.

Dalam usaha untuk mengalakkan kecairan dan menarik minat kepada pasaran hadapan komoditi, pihak KLCE berusaha berterusan memberi perhatian ke atas kontrak minyak sawit mentah bagi mendorong lebih ramai pedagang dengan mengadakan aktiviti pengalakan/promosi. Selain dari itu, pihak BKKL sedang mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan kontrak baru komoditi seperti kayu-kayan dan lada disamping menghidupkan semula kontrak-kontrak yang tidak aktif.